



Cahaya

پھرای
Pembimbing Remaja Cemerlang

Penghijrahan

Seorang

Mualaf

PROGRAM SYURAH MULIAH SAMBUTAN MUSLIM CINA

PERINGKAT KELANGKANGAN 2016

PERHIMPUNAN ALAMATUL HUDA (PAH) SELANGOR

PENGHIJRAHAN SEORANG MUALAF

TARikh: 25-26 Mac 2016 | Tempat: STAMAN 1435 JAWAET

Tempat: HOTEL IMPIAN MORN, SANTUARY, SELANGOR



SESUATU TENTANG KITA

TINGGINYA
Martabat
IBU

CAREER QUEST
THE NEW YOU

Cerpen

Di Tepian Teluk
Kehidupan

NILAI MURNI



Konsep Kesyukuran
ISLAM

Motivasi Diri

DADAH
PEMUSNAH TAMADUN
UMMAH

ISSN 0128-2239



9 770128 223001

PERCUMA

Hijrah

Oleh: Azmi Ibrahim

dan aku pulang ke daerah keinsafan ini
sesudah garing dibakar mentari dunia
menuju perkebunan fakiki

saat majazi ini sudah menutupi
nisbah iman dalam diri
kembali aku merenungi, betapa
kelam dosa silam yang tak terampunkan
silih waktu yang pergi tak tergantikan
nasu manusiawi yang bergelimpangan
ya rabb,
masihkah ada secebis untukku rahmat
saat darah mulai pudar memekar
tika puspa asia mulai gugur berselirut
antara hening azan dan iqamat
dalam sepotong doa dan munajat
kembali aku melafaz sabdu dan harakat, oh alangkah
terlewat lagi untukku mengutip
busa busa sesal di ladang nasuha
menjadi gemawan di langit taqwa

sederik dalam perjalanan
untuk apa lagi kau bertanyakan?
tentang lorong amalan yang tak tertunaikan
tentang takdir azali yang tak berjawapan
dan biarlah aku sendiri katakan pada tuhan
aku ini hamba juga pendosa
juga ingin menghirup harum jannah-Nya

dan muharam ini kembali lagi
aku pulang ke dalam diri





Sidang REDAKSI



Penaung

Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha
Ketua Pengarah
JAKIM

Penasihat

Haji Paimuzi bin Yahya
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Insan)
JAKIM

Ketua Pengarang

Zainab binti Ab Rahman

Pengarang

Wan Nadzirah binti Wan Mohamad

Penyunting

Baharuddin bin Malek
Nor Hashimah binti Embong
Nor Simah binti Khalim
Siti Kasmah binti Kassim

Pembantu Pengarang

Mohd Nasuha bin Aman@ Ab Rahman

Rekabentuk & Percetakan

Attin Press Sdn. Bhd.

Pengurus Edaran

Mohd Rashidi bin Mohd Jamil

Pembantu Edaran

Erniza binti Mat kassim
Mohd Suhaidil bin Shukri

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang Jakim.

Majalah CAHAYA diterbitkan secara online oleh Jakim bermula tahun 2016. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Jakim. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos dan e-mel.



T RANSFORMASI HIJRAH KE ARAH PENYATUAN T U M M A H



Hijrah Nabi Muhammad SAW daripada Mekah ke Madinah Munawwarah merupakan pelan perancangan strategik yang utama dalam usaha mengembangkan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Transformasi hijrah ini merupakan kunci kejayaan kerajaan Islam di Madinah, kerana ia dapat mewujudkan ukhuwah Islamiah yang merupakan asas penyatuan dan kecemerlangan ummah.

Bagi negara kita Malaysia, cabaran utama ke arah penyatuan jiwa ukhuwah Islamiah ialah perbezaan mazhab dan pendapat serta ideologi. Perbezaan pendapat ini telah membawa kepada perpecahan yang wujud dalam sejarah peradaban Islam bermula dari kewafatan Rasulullah SAW. Golongan-golongan ini saling menidakkann sumbangan pihak yang lain dan melahirkan pelbagai slogan dan fatwa yang bercanggah dengan syariat Islam. Umat Islam pada hari ini suka bertelagah berkaitan perkara furu' yang boleh merugikan masyarakat Islam sendiri.

Oleh itu hijrah pada tahun 1438H ini diharapkan dapat menyatukan masyarakat Islam dan bukan Islam supaya hidup dalam keadaan harmoni, aman, damai dan menghayati nilai-nilai murni. Ini kerana nilai-nilai tersebut boleh membawa kepada penyatuan ummah dan menghindari nilai-nilai negatif yang boleh membawa kepada perpecahan. Justeru, Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama seharusnya hidup bersatu padu, berkasih sayang, hormat menghormati, menegakkan keadilan, memupuk persefahaman dan sebagainya. Ini bertepatan dengan tema Ma'al Hijrah pada tahun ini iaitu **"Ukhuhwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah"**.

Isi Kandungan

Hijrah	2
Transformasi Hijrah Ke Arah Penyatuan Ummah	3
Penghijrahan Seorang Mualaf	5
The New You	8
Tingginya Martabat Ibu.	10
Dadah Pemusnah Tamadun Ummah.	12
Berilah Kemaafan Walaupun Sukar	16
Minda Soleh	18
Riwayat Hidup Sheikh Yusuf Al-Qaradhawi	19
Antara Gajet Dan Buku	22
Mengapa Berlaku Penyelewengan Aqidah - Bagaimana mengenalinya	25
Di Tepian Teluk Kehidupan	28
Musykil Agama	32
Konsep Kesyukuran Dalam Islam	36
Dia Khairunnisa' (Siri 26 Dua Hari Nan Lesu)	37

Penghijrahan Seorang Mualaf

Oleh: Muhammad Yusof Abdullah

Antara golongan asnaf lapan yang paling kurang difahami juga sering disalah faham ialah golongan mualaf. Pelbagai usaha dakwah diadakan untuk menarik masyarakat bukan Islam kepada agama Islam yang suci dengan mencapai tahap kejayaan yang berbeza-beza. Akan tetapi tahap persefahaman antara kaum Islam asal dan golongan mualaf amat hambar sekali.

Alhamdulillah pada usia yang menjangkau 40 tahun saya menerima hidayah daripada Allah SWT dan membuat keputusan untuk memeluk Islam. Saya amat bersyukur kepada penaja saya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang tidak membuang masa untuk menghantar saya belajar di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) yang terletak di Pengkalan Chepa, Kelantan dan di sinilah saya banyak menimba ilmu yang dapat memantapkan keimanan saya. Di sini saya ingin berkongsi pengalaman saya dan membawa perhatian kepada dua perkara, iaitu memahami hati dan latar belakang seorang mualaf serta mendidik seseorang mualaf sejauh mana dia berkebolehan dan selagi dia berminat.

Pertama: Memahami Hati dan Latar Belakang Seorang Mualaf

Golongan mualaf di negara kita terdiri daripada pelbagai agama asal mereka seperti Kristian, Buddha, Hindu atau Atheis. Ramai di

antara mereka, seperti juga di dalam zaman Rasulullah SAW terpaksa mengharungi detik-detik yang penuh dugaan dan cabaran seperti dipulau oleh keluarga sendiri diejek oleh kawan-kawan dan ada yang meninggalkan pekerjaan yang lumayan semata-mata untuk mendalami Islam demi mendapat keredhaan Allah SWT, InsyaAllah. Penghijrahan mereka daripada agama asal kepada Islam merupakan suatu pengorbanan dan pengalaman yang cukup menguji kesabaran dan ketabahan seseorang manusia.

Kaum Islam asal sememangnya amat mengalu-alukan kami dan menyambut kami dengan baik secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, disebabkan kealpaan mereka dalam memahami golongan mualaf, banyak ketidaksefahaman wujud. Ada yang menuduh kami memeluk Islam semata-mata untuk mendapat zakat dan bantuan-bantuan mualaf lain. Ada yang menuduh kami memeluk Islam dengan tujuan hendak kahwin wanita Islam sahaja. Tuduhan yang melulu ini hanya merosakkan persaudaraan sesama Muslim keskes sebegini walaupun secara terpencil sahaja. Hakikat ramai yang memeluk Islam tidak tahu sama sekali tentang perkara ini (bantuan zakat dan lain-lain).

Sebenarnya ada banyak penyelewengan yang berlaku dalam agama Kristian yang tidak ada dalam Injil tetapi diamalkan oleh penganut agama Kristian. Contohnya konsep triniti iaitu bapa, anak dan roh kudus adalah satu Tuhan.

Bahawa Nabi Isa AS telah menyebut sebanyak 83 kali dalam Injil dia bukan Tuhan.Juga larangan meminum arak, memakan babi dan suruhan menutup aurat bagi perempuan kesemuanya antara banyak yang tidak diikuti oleh pengikut agama Kristian tetapi disebut dalam Injil, kitab mereka.

Sepengalaman lagi yang ingin saya kongsikan. Mata pelajaran al-Qur'an ialah subjek saya yang paling lemah. Seorang ustaz pernah melihat kelemahan saya dan memanggil saya bertasmi' dengannya bila-bila dia lapang. Pada suatu hari, ketika saya sedang bertasmi' dengannya, saya memerhati bahawa dia berfikiran jauh melayang atau kurang menumpukan perhatian kepada bacaan saya. Memandang keadaannya,saya berkata, "Ustaz, saya lemah dalam pelajaran al-Qur'an ? Dia menjawab," ya bacaan kamu kurang lancar."Saya bertanya kepadanya, "Ustaz, bilakah ustaz mula-mula kenal huruf alif, ba, ta dan membaca al-Qur'an?" Dia menjawab, pada umur 4 tahun. "Saya memberitahunya, Ustaz, umur saya menjangkau 40 tahun, saya

“ Saya bertanya kepadanya, “Ustaz, bilakah ustaz mula-mula kenal huruf alif, ba, ta dan membaca al-Qur'an? ”Dia menjawab, pada umur 4 tahun” Saya memberitahunya, Ustaz, umur saya menjangkau 40 tahun saya mula-mula kenal huruf alif, ba, ta.

mula-mula kenal huruf alif, ba, ta, "Mendengar kata-kata saya, wajahnya terus berubah sambil berkata: "Bacalah!" Selepas itu, baru dia mengambil berat tentang bacaan saya.

Terdapat banyak contoh di mana perkara yang kaum Islam menganggap ianya perkara biasa tetapi bagi seorang mualaf perkara

tersebut ialah perkara baru dan mencabar. Tambahan pula bagi mereka yang umurnya, sudah meningkat.

Kedua : Mendidik Seorang Mualaf Sebaik Mana Mungkin.

Banyak usaha dakwah telah dilakukan oleh kalangan kaum Islam asal dan juga mualaf-mualaf yang lain untuk menyebarkan dan meninggikan syiar Islam yang saya amat sokong dan wajib sokong. Akan tetapi, setelah menarik mereka kepada Islam dan mengajar mereka mengambil Wudhu' dan mendirikan solat,mereka kebanyakannya dibiarkan begitu sahaja.Tiada atau kurang usaha dilakukan untuk mendidik mereka sejauh mana mereka berkeinginan dan berkebolehan.Sudah tentu dengan iman yang masih rapuh pasti akan menyebabkan mereka hanyut atau lebih teruk lagi, murtad.Nauzubillah.

Hanya dengan ilmu keimanan seseorang Islam boleh dimantapkan. Memang benar solat seseorang Islam boleh jadi sah kalau dia telah diajar untuk wudhu' dan solat dengan betul, tetapi tanpa ilmu yang mendalam, bolehkah seseorang khusyuk dalam solat? Bolehkah seseorang mengenal Allah SWT? Di sini mualaf wajib mendalami ilmu Islam.Pada pendapat saya, antara punca gejala murtad dikalangan mualaf ialah kurang pendidikan dan kefahaman dalam agama Islam. Lebih banyak peluang menuntut agama Islam harus diberikan khusus kepada golongan mualaf sahaja dan tidak harus dicampur dengan kaum Islam asal yang sudah pun banyak mempelajari Islam, kecuali jika mereka pun baru ingin mendalami agama. Ketidakseimbangan dalam ilmu agama antara yang baru ingin berjinak dengan Islam dengan yang sudah mempelajari Islam akan merasa jauh ketinggalan daripada rakan-rakan mereka yang Islam asal.

Galakan yang padu harus diberikan kepada mana-mana mualaf yang ingin mendalami Islam.Orang mualaf yang mahir tentang Islam paling layak membimbing saudara baru kerana mereka yang lebih memahami rakan-rakan seperjuangan mereka. Di sini bolehlah kita lihat betapa pentingnya pendidikan golongan

Pendidikan golongan mualaf juga memerlukan pendekatan yang berbeza daripada kaum Islam asal dan bergantung kepada beberapa faktor seperti umur, latar belakang, jantina dan lain-lain.

mualaf. Hanya dengan ilmu yang mantap seorang mualaf yang baru mengenal Islam boleh memahami Islam dan terselamat daripada ajaran-ajaran sesat yang wujud di mananya. Terdapat banyak dalil al-Qur'an dan al-hadith yang menekankan pencarian ilmu dan pengukuhan ilmu.

Pendidikan golongan mualaf juga memerlukan pendekatan yang berbeza daripada kaum Islam asal dan bergantung kepada beberapa faktor seperti umur, latar belakang, jantina dan lain-lain. Lebih ramai pendidik harus menceburi bidang perbandingan agama (comparative religion studies) supaya lebih tahu dan memahami agama-agama lain dengan tujuan mendidik mualaf, bukan setakat berdakwah sahaja. Semua pihak baik orang Islam asal mahupun mualaf harus mengembangkan tenaga dan berganding bahu untuk memajukan pendidikan orang mualaf, yang bilangannya kian hari kian meningkat, namun peratus mereka yang mendalaminya Islam amat kecil sekali.

Sistem keluarga angkat harus diperluaskan untuk semua mualaf, tidak kira umur, agama asal mereka, jantina dan sebagainya. Ini bertujuan untuk memberi keselesaan mengamati Islam di kalangan mualaf yang kebanyakannya keluarga mereka belum Islam. Perkahwinan dengan mualaf juga harus digalakkan supaya umat mereka terus berkembang sepertimana pada zaman Rasullullah SAW. Ini boleh membantu

pendidikan mualaf yang sudah pasti berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sekurang-kurangnya hati golongan mualaf dapat dijinakkan melalui sistem keluarga angkat. Pergaulan sesama Muslim pun lebih terjamin berlandaskan syara' melalui sistem ini.

Persoalannya ialah: Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kekurangan golongan mualaf yang ingin mendalaminya Islam? Sedikit sebanyak masalah ini disebabkan sikap Majlis-majlis agama dan pertubuhan-pertubuhan Islam yang ditubuhkan khas untuk kebaikan mualaf yang dilihat kurang memainkan peranan dalam pendidikan mualaf, terutamanya pada peringkat yang lebih tinggi. Mereka sanggup membantu mualaf dalam berbagai-bagai cara tetapi kurang menumpukan perhatian dalam pendidikan mualaf.

Sebenarnya semua yang saya ceritakan ini telah pun berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Sejarah kita merupakan suatu khazanah ilmu yang patut kita ambil ikhtibar. Saya amat berharap melalui perkongsian pengalaman dan pendapat saya dapat menyumbangkan kepada kesedaran keadaan yang menimpa golongan mualaf pada masa ini. Tidak sama sekali menjadi niat saya untuk menyenggung perasaan sesiapa atau menyalahkan sesiapa. Saya juga tidak menafikan bahawa wujud sikap alpa dan mentaliti tidak berminat atau tiada kesungguhan daripada golongan mualaf sendiri. Mentaliti mualaf sebegini harus dikikis dengan cara penuh berhikmah seperti yang dilakukan oleh Rasullullah SAW. Saya cuma ingin menimbulkan kesedaran tentang hakikat golongan mualaf ini dan cara-cara untuk memperbaiki keadaan ini lantas mewujudkan umat Islam yang lebih utuh, dinamik dan progresif seiring dengan kemajuan dan pembangunan yang kita capai pada hari ini.

Segala yang baik datang daripada Allah SWT dan semua kelemahan dan kekurangan adalah daripada hamba Allah yang lemah ini.

The New YOU



Oleh: Fatin Nuraliah Nadira binti Bujang (IIUM Gombak).

Transformation is a term that has a very strong relationship with the Islamic Hijra Calendar. Hijrah calendar was officially established during the era of Umar al-Khattab by taking the day of Prophets move from Makkah to Madinah. Despite the history has recorded hijrah in literal context, the retaliation is undeniably proven by a gross positive change of the society in Yathrib (later Madinah) of the technical context such as their faith, mind setting, communication, and value of society member. In essence, prophets SAW hijrah resulted as one of the largest positive impact in the history of human civilization and leadership.

Eventually, the latter is what seriously focused every occurrence of 1st Muharram. As well as many people would set up their wish and goals and kick start upon new year, Muslims also have two opportunities to do so. Once during Gregorian new year (because it is worldly default calendar), and another one is exclusively for Muslim the hijri calendar.

Hijrah event which has performed by the Prophet SAW, if it hasn't been done - is there any guarantee to live our life like this nowadays, or being proud of the Islamic empire and the

past Muslim scholars? On the other hand, do we think that the victory of the governance in the era of prophet Muhammad SAW can be succeeded without any time saved for introspection? Do we think that we can stand watching at the *kiswah* that has exposed travelled through time covering the *kaa'bah*? (Imagine that)

“...but he was the only man in history who was supremely successful on both the religion and secular levels. Of humble religions, Muhammad founded promulgated one of the world’s great religions, and became an immensely effective political leader.”



So, does *kiswah* and governance have anything to do with transformation? Forget about methods of *tajid* and the issue of valuable *kiswah* – whereas now, let's think about reformation of the valuable self. If we don't change, we don't enjoy fresher look and experience. When physically our body needs water and food to survive, our spiritual entity does also need 'food' to survive. To this extent, every year that approaches us is a perfect time either to gain new motivation, or to polish any ambiguous motivation. This lead us to celebrating the new year as 'the new you.'

Every person is important, yet accountable as societal machinery therefore have to understand that every good society is built up from good individual. The axis of understanding human relations upon building a society is derived from structural functionalism theory, a framework that sees society as a number of complex parts that form a stable and functional whole. It is important for each of us to study the overview of the structure so that we are able to configure our plans in achieving our goal.

Provided that, then 'the new you' is able to be approached. We, foremost have to set up our goal in which Muslims are familiar with the term *niat*. This step is firstly mentioned in the an-Nawawi's 40 Hadith which is concluded as, "Actions by intentions." Never forget that role model is required in order to improve our vision, and the best figure that suits our motivational goal is the great leader who was mentioned earlier, prophet Muhammad SAW. He is also ranked as the number one influential leader:

"...but he was the only man in history who was supremely successful on both the religion and secular levels. Of humble religions, Muhammad founded promulgated one of the world's great religions, and became an immensely effective political leader."

Refurbish our soul is the next step. By truly understanding one popular term in Islam which

is jihad, we could see the focus of the new you in the making. Inserting and installing new good things in ourselves would be easy if we strive our best to get rid of all the bad things within ourselves that concedes the definition of jihad which is endeavouring against enemy, that is in this context is the third one which is lust (*nafs*). This one step is undeniably a challenging task.

According to the same reference there are four levels of jihad. First, jihad in gaining religious and knowledge about the truth. Knowledge is vital that it is able to differentiate between knowledgeable and opposite which basically is mentioned in the Qur'an:

"...are those who know equal to those who do not know? Only they will remember [who are] people of understanding."

The second level of jihad is practicing the knowledge. Without practise, knowledge would be easily forgotten and fade away from our mind. The more we practice the knowledge, the deeper understanding and the wisdom we gain. One knowledge can be the key to other knowledge, as long as we are passionate and strive to gain more beneficial information for our life.

The third level is conveying knowledge to others who are *jahil* as mentioned in the book. Conveying knowledge is a must or we can be seem stingy with our knowledge. And human being is a complex existence, that conveying knowledge is somehow can be difficult. One of a good way to teach people is knowing who to teach and match them with what we want to teach.

The final level of jihad is much related to the third one which is being patience in conveying knowledge. The series of prophet Muhammad SAW preaching especially during the early time of Islam was a rough time. Being tough and patience is a must, because within this values Allah SWT has promised an outrageous rewards to those who are consistent in conveying knowledge and being patience while doing so.

By and large, jihad must not be left behind if we want to kick-start our new year. Moreover, the possibility in achieving our new year's goal – especially by getting closer to God by following Islamic method – becomes higher if we refurbish ourselves. It is even better with clean intention. Ultimately, the new year that will approach us soon will be the year that celebrates 'the new you.'

Tingginya Martabat Ibu

Oleh: Dr Aminudin Mansor.

(Pengawal Media, PhD Persuratan Melayu UKM)

Ibu bapa adalah orang yang paling penting dalam kehidupan kita. Tanpa mereka, kita tidak akan lahir ke dunia ini. Dalam kehidupan, pergaulan dengan ibu bapa juga mempunyai adab-adab tertentu yang mesti kita patuhi terutama ketika menyambut hari-hari perayaan bersama mereka. Jika seseorang yang masih mempunyai ibu bapa layani dan jagalah mereka.

Dalam kehidupan, ibu mempunyai martabat yang tinggi berbanding bapa. Tiga kali tingginya martabat ibu dan ketinggian martabat ini terdapat dalam Hadith Nabi SAW. Sesungguhnya ibulah yang mengandungkan kita selama sembilan bulan sepuluh hari, melahirkan dan menjaga kita semasa kecil. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“ Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, Siapakah orang yang paling patut aku berbuat baik? Rasulullah SAW menjawab, “ Ibumu, kemudian aku bertanya lagi siapa? ” Rasulullah SAW menjawab ibumu, kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah SAW menjawab ibumu, kemudian aku bertanya lagi siapa? Rasulullah SAW menjawab bapa mu, kemudian orang yang paling hampir denganmu (Riwayat At-Tirmizi). Manakala, peranan bapa juga tidak harus dipandang ringan dalam mendidik anak-anak ke arah beriman, berakhlak dan bertakwa.

Oleh itu, betapa luas sekalipun pergaulan seseorang itu, atau betapa masyhur namanya di kalangan masyarakat dan meskipun hidupnya kaya-raya, orang itu belum tentu dinamakan seorang yang beradab sopan, sekiranya dia belum menunjukkan rasa hormat, mengasihi, memuliakan, serta berbakti kepada ibu bapanya.

“ Seorang sahabat bertanya, Ya Rasulullah, siapa yang paling berhak memperoleh layanan dan persahabatanku?” Nabi SAW menjawab, “Ibumu...ibumu... ibumu..., kemudian ayahmu dan kemudian yang lebih dekat kepadamu dan yang lebih dekat kepadamu. ”

Beradab sopan dengan ibu bapa semasa mereka masih ada antaranya adalah:

- 1) Anak-anak mestilah mendengar nasihat ibu bapa ke arah kebaikan dunia dan akhirat. Sebagai anak juga kita tidak boleh bercakap kasar dan meninggikan suara kepada mereka.
- 2) Sentiasa mendoakan kesejahteraan kepada kedua-dua ibu bapa. Menjaga kebijikannya seperti makan minum dan kesihatan.
- 3) Anak-anak tidak seharusnya menyanggah atau menentang ibu bapa. Layanilah dan hormatlah ibu bapa dengan bahasa yang baik dan bersopan santun. Ini untuk mengelakkan diri dari menyakiti hati ibu bapa.
- 4) Hanya satu perkara yang boleh ditentang ialah jika ibu atau bapa itu menentang ajaran agama Allah SWT.



- 5) Jangan retakkan perhubungan mesra dan kasih sayang dengan kedua-dua ibu bapa.
- 6) Anak-anak tidak patut menghantar ibu atau bapa mereka yang uzur ke rumah orang tua. Ini bagi mengelakkan perasaan dan jiwa ibu bapa yang sudah tua rasa tersisih dan dipinggirkan.
- 7) Menjaga dan melayani ibu bapa yang telah tua dan uzur dengan sabar serta tabah. Gembirakan hati ibu bapa dengan dijaga oleh anak-anak sendiri.

Jika ibu bapa sudah meninggal dunia, beberapa perkara kebaikan dan adab yang baik boleh dilakukan iaitu:

- 1) Berdoa dan beristighfar – memohon kepada Allah SWT supaya kurniakan keampunan dan dimasukkan mereka ke dalam golongan orang yang soleh.
- 2) Menyempurnakan perjanjian, jika ibu bapa mengikat sebarang perjanjian dengan orang lain.
- 3) Memuliakan sahabat handai si mati. Anak-anak hendaklah menghormati dan memuliakan sahabat handai si mati seperti yang dilakukan oleh ibu bapa semasa hayat mereka.
- 4) Menyambung silaturahim kepada orang lain yang tidak sempat disambung oleh si mati sebelum meninggal dunia.

Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud “Apabila mati seseorang anak Adam, putuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang diambil orang manfaatnya atau anak yang soleh yang mendoakannya”. (Riwayat Muslim).

Kesimpulannya, berbakti dan beradab sopan kepada ibu bapa ini hendaklah diperlakukan dan dipamerkan serta dilakukan semasa ibu bapa masih hidup supaya ibu bapa dapat merasakan balasannya. Jika mereka telah meninggal dunia hargailah jasanya dengan selalu berdoa dan bersedekah atas namanya. Hal ini akan dapat membentuk anak-anak yang baik dari segi amalan, ibadah dan ketakwaan yang kuat dan cemerlang serta sentiasa mengenang budi.

■ Apabila mati seseorang anak Adam, putuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang diambil orang manfaatnya atau anak yang soleh yang mendoakannya.





DADAH Pemusnah TAMADUN UMMAH

Oleh: Dr Aminudin Mansor. (Pengawal media, PhD Persuratan Melayu, UKM)

Ancaman dadah dalam kehidupan bukan lagi perkara baru. Remaja yang liar akibat pergaulan mungkin mudah terjebak dalam perangkap dadah yang memusnahkan pembangunan ummah. Justeru, bagi membimbing anak-anak remaja pelbagai kaedah perlu dilakukan membabitkan kaedah Islam, psikologi dan pendekatan kasih sayang.

Kini ancaman dadah semakin berbahaya kepada negara. Setiap kali tangkapan dilakukan terhadap "keldai dadah" pelbagai jenis dadah di bawa masuk ke negara ini. Di samping itu, tidak kurang daripada 30 orang pengedar dadah dari negara ini meringkuk dalam penjara di negara jiran iaitu Indonesia.

Penyalahgunaan dadah telah lama wujud dalam tamadun manusia sejak dahulu lagi. Bagaimanapun sehingga kini belum dapat dipastikan sejak bila manusia menggunakan dan menyalahgunakan dadah. Apa yang pasti penggunaan dadah bukan satu fenomena baharu dalam sejarah dan tamadun manusia.

Kajian menunjukkan manusia menggunakan dadah sejak 5000 tahun dahulu. Candu telah digunakan oleh rakyat

Iraq sejak 5000 tahun dahulu. Pada masa itu candu dikenali sebagai *khemar* manakala *khamar*(arak). Dadah juga ditemui dalam masyarakat lain semenjak zaman dahulu lagi. Penduduk Andes di benua Afrika Selatan menggunakan jenis *coca*. Penduduk Amazon menggunakan *caopi*, orang Asli Australia menggunakan *pituri*, manakala orang Ethophia menggunakan pokok *khat* (*Catha Edulis*).

Di Eropah, ganja dikatakan telah lama digunakan untuk tujuan perubatan sebagai "aspirin". Pengamal perubatan di Eropah menggunakan ganja untuk mengubati penyakit hysteria, demam perjalanan dan selesema. Sementara itu, kini lebih 4 juta penagih dadah dan candu di Pakistan.

Dadah adalah bahan kimia asli dan tiruan yang dimasukkan ke dalam tubuh yang boleh mengubah keadaan badan, perasaan dan kelakuan pengguna. Perubahan mencakupi aspek fizikal dan emosi yang lebih menjurus ke arah keburukan. Kemasukan bahan kimia boleh dilakukan melalui suntikan, hidu, ditelan atau dengan apa-apa cara tanpa mempunyai sebab yang kukuh. Pengambilan dadah yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu menemui maut.

“ Penyalahgunaan dadah di Malaysia terus meningkat setiap hari. Pada tahun 1970 dianggarkan hanya seramai 7,110,00 penagih yang dilaporkan. ”

Dadah adalah bahan psikoaktif yang boleh mendorong kesan terhadap kesihatan tubuh badan. Dadah berupaya memberi kesan buruk kepada sistem saraf pusat iaitu otak dan saraf tunjang seseorang. Penggunaan dadah selain daripada perubatan adalah dilarang. Oleh sebab itu, para penagih terpaksa memperoleh dadah secara haram daripada pengedar-pengedar dadah.

Penyalahgunaan dadah di Malaysia terus meningkat setiap hari. Pada tahun 1970 dianggarkan hanya seramai 7,110,00 penagih yang dilaporkan. Walau bagaimanapun bancian yang dilakukan pada tahun 1990 didapati 1,780,00 orang terlibat dalam penagihan dadah. Bilangan ini tidak termasuk golongan yang tidak berdaftar yang dianggarkan lebih 500,000 orang. Menurut Statistik Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah penagih dadah dikesan tahun 2005 hingga 2009 iaitu penagih baru dan berulang membabitkan 32,808 orang tahun (2005), 22,811 orang tahun (2006), 14,489 orang tahun (2007), 12,352 orang tahun (2008) dan 15,736 orang tahun (2009).

Kebanyakan mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di negara ini berusia antara 15 hingga 29 tahun yang lebih tertumpu di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Perak. Mereka adalah golongan remaja terdiri daripada



pelajar sekolah menengah, universiti dan juga yang sudah bekerja yang merupakan aset penting dalam pembangunan negara.

Penyalahgunaan dadah dianggap sebagai satu masalah sosial yang mengancam kestabilan negara. Penyalahgunaan dadah bukan hanya melibatkan individu yang menagih dadah sahaja tetapi turut membawa kesan negatif kepada keluarga, masyarakat dan negara. Pengambilan dadah yang berlebihan boleh menjurus seseorang itu kepada aktiviti negatif dan akhirnya membawa maut. Berikutan pertambahan kadar penyalahgunaan dadah yang drastik, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai suatu ancaman kepada negara pada tahun 1983. Ini adalah ketetapan dengan kehendak kerajaan yang ingin melahirkan generasi yang sihat dalam segala aspek.

Faktor-faktor yang mempengaruhi penagih dadah dikatakan berpunca daripada perasaan ingin mencuba dalam kalangan remaja dan belia yang sering terdedah kepada konflik emosi dan psikologi serta emosi. Golongan remaja dan awal dewasa sentiasa terdedah dan berhadapan dengan masalah ketegangan di samping proses pembesaran dan kematangan.



Keluarga yang porak-peranda dan mengalami perceraian juga mempengaruhi kepada remaja terjebak dalam penggunaan najis dadah. Remaja ini akan mengalami tekanan perasaan dan untuk mengatasi masalah ini pengambilan dadah adalah cara yang terbaik. Akhirnya mereka terjebak dalam ketagihan dadah.

Justeru, ibu bapa, kaum keluarga terdekat harus meluangkan masa untuk berkongsi pendapat dengan anak-anak di samping sering berkomunikasi dengan mereka apabila timbul masalah dalam diri mereka dan juga masalah dalam keluarga. Ibu bapa sewajarnya memberikan perhatian dan kasih sayang dan memantapkan iman kepada anak-anak walaupun mereka sudah meningkat remaja. Kemantapan iman boleh menjadi benteng kepada ancaman gejala dadah.

Kegagalan remaja mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah boleh menyebabkan mereka mudah terjebak dalam penagihan dadah iaitu apabila berjumpa dengan kawan-kawan yang sudah terjebak dengan gejala ini ketika melepak di pusat membeli-belah dan ketika bermain permainan video di Kafe Siber.

Pengisian masa cuti hujung minggu dan cuti penggal persekolahan adalah sangat penting kepada setiap remaja.

Hubungan rapat dengan ahli keluarga, masyarakat dan jiran tetangga dapat mengelakkan mereka terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Beberapa cara dan langkah mengatasinya mestilah dilakukan oleh pihak tertentu dan juga ahli masyarakat. Antaranya penguatkuasaan undang-undang, kempen antidadah di peringkat sekolah, dalam komunitik masyarakat, yang boleh dilakukan melalui kerjasama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Pasukan Petugas Antidadah Malaysia bertanggungjawab untuk mengatasi masalah penagihan dadah dengan mengadakan program pendidikan dalam kalangan masyarakat terutamanya kepada pelajar, remaja dan belia di segenap peringkat.

“ Keluarga yang porak-peranda dan mengalami perceraian juga mempengaruhi kepada remaja terjebak dalam penggunaan najis dadah. Remaja ini akan mengalami tekanan perasaan, dan untuk mengatasi masalah ini pengambilan dadah dirasakan cara yang terbaik. Akhirnya mereka terjebak dalam ketagihan dadah.



Manakala bagi mereka yang sudah terjebak dengan najis dadah, hendaklah dihantar ke mana-mana Pusat Serenti di seluruh negara laitu di Pusat Serenti Tampin, Bukit Tampoi, Besut, Sungai Petani, Kemumin dan Pusat Pemulihan Dadah Sungai Merchong. Sementara itu, seramai 12,392 pelatih Pusat Serenti berjaya dipulihkan atau 60.5 peratus daripada 20,502 penghuni yang menjalani Program Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) berjaya dipulihkan tahun 2010.

Dadah musuh utama negara yang boleh memusnahkan kekuatan ummah. Semua pihak mestilah berusaha menjauhinya dengan memastikan setiap ahli keluarga tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kerajaan sedang berusaha keras untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah, dan ia seharusnya dibantu oleh setiap ahli masyarakat di negara ini dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat.



Berilah Kemaafan Walaupun Sukar

Oleh: Fahimah Haji Ali Hassan (Guru)

Melupakan sesuatu kezaliman atau kesalahan yang kita terima dari pelaku mungkin sukar untuk dilakukan. Apatah lagi untuk memberi kemaafan atau memaafkan orang yang membuat kezaliman atau kesalahan tersebut. Lebih-lebih lagi jika perbuatan tersebut meninggalkan kesan yang sangat mendalam kepada perasaan dan juga kehidupan kita. Lantaran itulah, sifat memberi kemaafan atau memaafkan orang yang melakukan kesalahan tersebut sangat dituntut dalam Islam. Malah ianya termasuk dalam salah satu kebaikan yang sangat disukai oleh Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)" (Asy-Syura: 43).

Memiliki sifat pemaaf ini terdapat banyak kelebihannya. Selain memperolehi ganjaran pahala yang sangat besar di sisi Allah SWT dan dikasihi manusia lain, kita juga akan memperolehi rasa kelapangan dalam meneruskan setiap langkah dalam kehidupan kita. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan (jika kamu hendak membalaaskan maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim" (Asy-Syura:40).

Maksud ayat Al-Quran ini, menegaskan bahawa kita dibolehkan membalaaskan kejahatan orang yang berbuat jahat terhadap kita dengan syarat balasan tersebut setimpal dan sama dengan kejahatan yang telah dilakukan. Namun, cara yang terbaik ialah dengan memaafkan orang yang melakukan kejahatan tersebut. Pastinya, Allah SWT akan membalaaskan dengan ganjaran pahala di sisinya di akhirat kelak. Malah Allah SWT juga memberi kemuliaan kepada orang yang sedia memaafkan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Tiga perkara yang aku bersumpah atasnya: (1) Harta yang tidak berkurang kerana sedekah. (2) Tidaklah Allah menambah bagi seorang hamba yang memaafkan (orang lain) kecuali kemuliaan. (3) Barangsiapa bersikap tawaduk kerana Allah nescaya Allah akan mengangkat darjatnya" (Riwayat Muslim).

Orang yang enggan memberi kemaafan akan merasakan kesempitan dan kegelisahan dalam kehidupannya. Kebencian merajai hati dan minda sehingga kadang-kala melahirkan tindak-tanduk yang diluar jangkaan kita. Malah diri akan diikuasai keegoan dan sifat besar diri sehingga boleh menjadi punca terkeluar kata-kata yang tidak sepatutnya diucapkan selaku hamba Allah SWT. Contohnya, "aku tidak akan maafkan dia sampai ke akhirat nanti.". Mungkin juga, "Moga orang jahat itu mendapat kecelakaan" dan sebagainya. Kata-kata yang keluar dari mulut kita ini menunjukkan keangkuhan kita sebagai hamba Allah SWT. Seolah-olah juga penuturnya tidak pernah melakukan kesalahan atau

“Orang yang enggan memberi kemaafan akan merasakan kesempitan dan kegelisahan dalam kehidupannya.”

kesilapan. Paling membimbangkan, keengganan memaafkan akan menerbitkan dendam kesumat yang akhirnya akan membinasakan diri sendiri dan orang di sekeliling. Kesemua ini akan menjadi sebab kepada sinar kebahagiaan dalam hari-hari yang dilalui dalam kehidupan kita.

Oleh kerana itulah, sedalam mana pun kejahatan yang dilakukan oleh orang lain terhadap kita, kita perlu berlapang dada dan bersedia memaafkan setiap perbuatan jahat yang dilakukan terhadap kita. Kemaafan yang diberikan akan menjadi terapi jiwa dan juga motivasi yang baik untuk kita meneruskan derap langkah kita di atas muka bumi ini.

Rasulullah SAW adalah Contoh Terbaik Dalam Memberi Kemaafan

Insan yang selayaknya menjadi idola utama kita dalam aspek memberi kemaafan ialah junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Bukan itu sahaja, bahkan seluruh aspek kehidupan Baginda SAW dapat menjadi qudwah hasanah yang baik kepada semua insan. Menelusuri perjalanan kehidupan Nabi Muhammad SAW, di mana Baginda SAW tidak pernah membala kejahatan yang dilakukan terhadapnya walaupun diberi pilihan dan peluang untuk berbuat demikian. Malah Baginda SAW, memilih untuk memaafkan daripada menghukum atau membala kejahatan tersebut.

Kisah penduduk Thaif yang telah melontar Baginda SAW dengan batu sehingga berdarah kaki. Setengah meriwayatkan akibat dibaling batu, ada gigi Nabi SAW yang patah kerana terkena balingan batu tersebut. Mereka enggan menerima dakwah Baginda SAW. Lalu, Malaikat Jibril diutuskan kepada Baginda SAW untuk membala perbuatan penduduk Thaif tersebut. Namun, Baginda SAW menegah Jibril dari melakukannya. Sebaliknya Baginda SAW mendoakan kebaikan untuk penduduk Thaif.

Sifat pemaaf Rasulullah SAW juga menjadi sebab berimannya manusia pada ketika itu. Kisah seorang pengemis Yahudi buta dan cacat yang selalu mencaci Nabi SAW. Sedangkan Bagindalah yang sentiasa menuap makanan kepadanya sehingga menjelang kewafatan Baginda SAW. Yahudi itu akhirnya memeluk Islam dihadapan Saidina Abu Bakar setelah mengetahui bahawa orang yang menuapnya makanan itu ialah Rasulullah SAW yang dihina dan dicaci setiap kali Baginda SAW menuap makanan kepadanya.

Justeru, marilah kita belajar memberi maaf kepada orang berbuat jahat kepada kita. Walaupun sukar kerana tercalit bekas yang sangat mendalam dalam diri kita, anggaplah ianya sebagai satu lumrah kehidupan yang setiap insan akan melaluinya. Namun kesediaan dan berlapang dada untuk memaafkan akan membantu kita untuk menjadi seorang hamba Allah SWT yang diperakui di sisi Allah SWT. Kesungguhan kita untuk memaafkan pasti mendapat ganjaran yang baik di sisi Pencipta Yang Maha Pemberi Keampunan. Jangan berhenti memberi maaf walaupun sukar. Jangan serik memberi maaf walaupun berulang kali kita disakiti dan dizalimi kerana dengan memaafkan kita dapat meneruskan kehidupan di bumi Allah SWT ini. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Wahai ‘Uqbah, mahukah engkau aku beritahu akhlak penghuni dunia dan akhirat yang paling mulia? Iaitu, menyambung silaturahim dengan orang yang memutuskannya, memberi kepada orang yang tidak mahu dan tidak pernah memberimu, memaafkan orang yang pernah menzalimi dan menganiayamu.” (Riwayat Hakim)



MINDA SOLEH

Membantu orang ramai

Solat awal waktu

Perbanyakkan sedekah



Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud,

“Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat. Setiap seseorang itu akan mendapat sesuatu berdasarkan niatnya. Sesiapayang berhijrah kerana Allah dan Rasulullah SAW maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan sesiapa yang berhijrah kerana dunia dan wanita yang hendak dinikahinya, maka hijrahnya itu berdasarkan apa yang diniatkannya.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

SHEIKH DR. YUSUF QARDHAWI

Oleh: Mohd Dawamuddin Abdul Hadi

Terdapat ramai tokoh dakwah pada abad ke-19 hingga masa kini. Antara ulama' masa kini yang tersohor seantero dunia adalah Sheikh Yusuf al-Qaradhawi. Beliau merupakan Ketua Kesatuan Ulama Sedunia. Ketokohan beliau diiktiraf seluruh dunia dan amat faqih terutamanya dalam aspek fiqh semasa yang dikaitkan dengan sumber rujukan utama al-Qur'an, kalam Allah yang suci.

Beliau telah menunjukkan kemampuan dan kebolehan terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan ummah semasa. Pandangannya sangat luas, tajam dan berguna kepada umat Islam pada masa kini dan dijadikan rujukan serta panduan. Sumbangannya kepada dunia Islam sangat luas dan banyak karya beliau yang dijadikan panduan dan rujukan serta diulang cetak dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa bagi mengembangkan lagi pemikiran beliau.

“Nama asal beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Sesetengah pendapat ada yang mengatakan bahawa nama beliau Muhammad Yusuf. Beliau lebih dikenali sebagai Yusuf al-Qaradhawi. Beliau adalah dari keturunan al-Qaradhawiyah. Asal usulnya adalah dari sebuah daerah yang bernama al-Qardhah dan dinisbahkan kepada keturunannya. Keturunan ini juga pernah didapati di Bani Ghazi, Libya dan daerah Sanhur al-Madinah, Kota Dasuq. Pada masa kini beliau berusia 89 tahun.

Nama asal beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Sesetengah pendapat ada yang mengatakan bahawa nama beliau Muhammad Yusuf. Beliau lebih dikenali sebagai Yusuf al-Qaradhawi. Beliau adalah dari keturunan al-Qaradhawiyah. Asal usulnya adalah dari sebuah daerah yang bernama al-Qardhah dan dinisbahkan kepada keturunannya. Keturunan ini juga pernah didapati di Bani Ghazi, Libya dan daerah Sanhur al-Madinah, Kota Dasuq. Pada masa kini beliau berusia 89 tahun.

Beliau adalah pemikir, sarjana dan intelek kontemporari yang tidak asing lagi di dunia Islam. Yusuf al-Qaradhawi dilahirkan pada 9 September 1926M bersamaan 1344H di desa Shafth Turaab, Mahallah al-Kubra Negeri Gharbiah Mesir. Ayahnya meninggal dunia semasa beliau berusia dua tahun dan bapa saudaranya yang bernama Ahmad menjadi penjaganya selepas peringgalan ayahnya.

Beliau berasal daripada keluarga yang kuat beragama. Bapanya bekerja sebagai petani, manakala keluarga sebelah ibunya bekerja sebagai peniaga. Beliau dibesarkan dengan penuh kasih sayang dan mendapat keistimewaan dalam keluarga.

Beliau adalah seorang cendekiawan Islam dari Mesir yang terkenal. Beliau merupakan Ketua Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah dan Presiden Persatuan Ilmuwan Islam Antarabangsa.



Pendidik

Semenjak kecil lagi, beliau menunjukkan ciri-ciri kesarjanaan Islam. Bakatnya terserlah apabila sering dipanggil menjadi imam dan syarahan agama di masjid kampungnya. Beliau juga seorang khatib dan pendidik. Pernah bekerja di Kementerian Hal Ehwal Agama Mesir. Beliau diberi kepercayaan memegang jawatan Dekan di Fakulti Syariah, Universiti Qatar yang beliau sendiri bangunkan. Beliau juga adalah Pengarah Pusat Kajian Sunnah dan Sejarah di Universiti Qatar.

Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli Majlis Akademik Sains Islam, Universiti al-Amir Abd al-Qadir, Algeria. Al-Qaradawi juga dilantik menjadi Penasihat Hal Ehwal Islam kepada Kementerian Hal Ehwal Islam Algeria. Di Eropah, pernah memegang jawatan Ketua Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah.

Pakar Hukum Islam

Penulisan dan kajian beliau banyak diterbitkan di dalam jurnal dan majalah. Beliau juga menulis lebih 40 buah buku dalam pelbagai bidang terutamanya dalam permasalahan fiqh. Antara bukunya adalah *Fatwa-fatwa Kontemporari*, *Fiqh Keutamaan*, *Fiqh Zakat*, *Islam dan Isu-Isu Semasa* dan *Halal dan Haram dalam Islam*. Kebanyakan karyanya sudah diulang cetak dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.

Beliau dianggap oleh banyak pihak sebagai antara pemikir Islam kontemporari dan menjadi rujukan dalam mendapatkan fatwa masalah-masalah semasa. Beliau juga percaya kepada perbezaan pendapat dan menolak sikap taksub kepada sesuatu pendapat. Pegangannya ini jelas dinyatakan dalam buku *Kebangkitan Islam: Antara Perbezaan yang Terpuji dan yang*

Tercela dan Elemen-elemen Fleksibiliti dalam Syariah Islam.

Beliau seorang yang terbuka, terutamanya dalam pendidikan. Ini terbukti apabila enam daripada tujuh anaknya memilih bidang bukan agama, iaitu sains dan teknologi. Mereka melanjutkan pengajian masing-masing di Amerika dan Eropah hingga ke peringkat ijazah doktor falsafah. Yusuf berpendapat, kemajuan umat Islam dapat dicapai apabila umatnya maju dalam pelbagai bidang ilmu.

Beliau sering hadir dalam seminar-seminar antarabangsa untuk menjelaskan pegangan Islam yang sebenar. Bersikap tegas dalam mempertahankan kebenaran prinsip Islam. Beliau adalah seorang yang berilmu luas serta mampu membaca situasi masyarakat sesuai dengan tuntutan ilmu. Pandangannya tentang isu tertentu amat menepati keadaan sebenar masyarakat dan agama. Beliau juga berani dan mampu menyelesaikan masaalah semasa menurut tuntutan Islam di samping tidak mengetepikan rujukan utama al-Qur'an dan al-Sunnah.

“ Beliau dianggap oleh banyak pihak antara pemikir Islam kontemporari dan menjadi rujukan dalam mendapatkan fatwa masalah-masalah semasa.

”

Pemikiran Dakwah Syeikh Yusuf Al-Qaradawi

Yusuf al-Qaradawi banyak menghasilkan pemikiran-pemikiran, pandangan-pandangan, buah-buah fikiran dan idea-idea baru pada abad moden masa kini. Beliau banyak menghasilkan formula-formula baru dalam menyelesaikan masalah yang membekalku umat Islam pada masa kini terutama yang berkaitan dengan persoalan-persoalan kontemporari.

Aspek Fikah

Di dalam ijitihad fikah, al-Qaradawi telah berjaya membuat sebuah formula baru apabila berhadapan dengan persoalan-persoalan kontemporari. Di antara formulat tersebut adalah mengenai keperluan dibangunkan ilmu fikah baru (*fiqh jadid*) yang akan dapat membantu menyelesaikan persoalan-persoalan baru yang membekalku umat Islam. Guru beliau al-Ghazali yang mentakrifkan maksud kata fikah



adalah merupakan sebuah pemahaman yang komprehensif terhadap Islam, iaitu *al-Fiqh* (fikah) sebagai *al-Fahm* (pemahaman). Adapun fikah baru yang dibangunkan oleh al-Qaradhawi seperti berikut:

a. Keseimbangan (*fiqh al-muwazanah*)

Maksud *fiqh al-muwazanah* adalah sebuah metode yang dilakukan dalam mengambil keputusan hukum, pada ketika terjadinya pertentangan dilema antara kebaikan dan keburukan. Menurut al-Qaradhawi pada masa kini sangat sulit dan sukar mencari sesuatu yang halal seratus peratus atau yang haram seratus peratus.

b. Fikah Realiti (*fiqh waq'i*)

Maksud *fiqh waq'i* adalah sebuah metode yang digunakan untuk memahami realiti dan persoalan-persoalan yang muncul di hadapan kita, sehingga kita dapat menerapkan hukum sesuai dengan tuntutan zaman.

c. Fikah Keutamaan (*fiqh al-aulawiyat*)

Maksud fikah keutamaan adalah sebuah metode untuk menyusun sebuah sistem dalam menilai sebuah pekerjaan, mana yang seharusnya didahulukan atau diakhirkkan. Salah satunya adalah bagaimana mendahulukan ushul dari *furu'*, mendahulukan ikatan Islam dari ikatan yang lainnya, ilmu pengetahuan sebelum beramal, kualiti dari kuantiti, agama dari jiwa serta mendahulukan tarbiyah sebelum berjihad.

d. Fiqh Al-Maqashid Al-Syariah

Fikah yang dibangun atas dasar tujuan ditetapkannya hukum. Pada tekniknya, metode ini ditujukan bagaimana memahami nas-nas *syari'i* yang juz'i dalam konteks *maqashid al-syariah* dan mengikatkan sebuah hukum dengan tujuan utama

ditetapkannya hukum tersebut, iaitu melindungi kemaslahatan bagi seluruh manusia, baik di dunia mahu pun di akhirat kelak.

Al-Qaradhawi mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai lapangan ilmu pengetahuan kerana banyak mempelajari daripada guru-gurunya, banyak membaca, mengkaji, menulis dan juga banyak membuat rujukan kepada permasalahan isu-isu semasa yang melanda umat Islam. Beliau bukan sahaja mengambil manfaat daripada ilmu-ilmu syariat, bahkan juga daripada ilmu yang bukan syariat bagi memenuhi konsep bertanya kepada ahli zikir yang dinyatakan dalam al-Qur'an.

Beliau bukan sahaja mengambil dan merujuk kepada nas al-Qur'an dan al-Sunnah sahaja malah mengambil kira pandangan-pandangan ulama' terdahulu dalam pelbagai kitab fikah yang masih sesuai diketengahkan kepada masyarakat Islam pada zaman ini.





Oleh: Khafizan Mohd Bahar (Guru)



Dunia semakin moden. Teknologi komputer semakin pantas berkembang sehingga lahir pula ‘komputer kecil’ yang dikenali sebagai gajet. Gajet didefinisikan sebagai alat elektronik atau komputer kecil yang dapat memenuhi keperluan khusus manusia. Dahulu telefon mempunyai dua fungsi sahaja iaitu menghantar teks mesej dan membuat panggilan. Namun, dengan inovasi yang semakin berkembang, lahir pula telefon pintar yang mempunyai pelbagai fungsi. Ia bukan sahaja menjadi alat perhubungan dan komunikasi, malah menjadi imej yang menggambarkan personaliti dan gaya seseorang. Apatah lagi kini telefon pintar telah dihubungkan dengan dunia siber yang akan memberikan dimensi dan dunia baharu bagi pengguna gajet.

Ruang siber yang boleh diakses melalui telefon pintar memberi kelebihan kepada remaja untuk meneroka suatu ‘ruang tambahan’. Ruang tambahan itulah digelar sebagai teknologi internet yang dapat memudahkan urusan hidup samada urusan penyampaian maklumat dan berinteraksi antara satu sama lain. Dengan adanya media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *whatsapp* dan *telegram*, telefon pintar kini menjadi alat komunikasi paling popular dan paling ramai pengguna. Tidak dapat dinafikan kehadiran teknologi internet telah dapat mengubah cara manusia belajar. Namun, tidak dapat dipastikan

sejauh mana teknologi siber yang mudah diakses dengan telefon pintar dapat menyumbang kepada, pembudayaan dan pemantapan ilmu dalam kalangan remaja khususnya.

Kebanyakan remaja kini mengalami penyakit ‘*ketagihan internet*’ kerana sanggup meluangkan masa berjam-jam melayari ruang maya dalam masa sehari. Laman sosial yang popular seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram* kini menjadi ruang bagi generasi muda untuk bersosial. Aktiviti seperti mengepos status, membaca respon status, bersempbang dalam ruang sembang dan berselfie kadang-kadang menjadi suatu ketagihan. Dengan wujudnya media sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan *telegram*, telefon pintar yang bersifat mobil kini lebih digemari daripada gajet-gajet lain. Media sosial tersebut sangat menarik perhatian golongan remaja kerana sentiasa segar dengan info baharu, muat naik status, berkongsi video, berhibur dan bersempbang serta ber ‘memey’. Kita sering membaca teks yang ditampal dalam media dan aplikasi sosial, menaip teks ketika bersempbang dan menonton klip video. Tanpa kita sedari, jika terlampau banyak masa dihabiskan dengan telefon pintar, banyak masa yang disia-siakan. Sepatutnya masa terluang diisi dengan aktiviti lain yang berfedah seperti membaca buku. Tabiat selalu ‘bergayut dengan telefon’ tanpa sebarang

“

Kebanyakkan remaja kini mengalami penyakit ‘ketagihan internet’ kerana sanggup meluangkan masa berjam-jam melayari ruang maya dalam masa sehari.

”

tujuan berfaedah boleh dianggap sebagai aktiviti yang merugikan masa. Islam melarang umatnya menghabiskan masa dengan perbuatan sia-sia dan menyifatkan orang-orang yang meluangkan masa kepada perkara yang tidak berfaedah sebagai rugi. Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud: “*Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar*”.(al-Asr: 1-3).

Menurut teori telekomunikasi moden, kewujudan media baru dan kemajuan dalam teknologi maklumat akan menjadi ancaman ke atas minat kepada media kertas. Penggunaan internet dan media sosial yang keterlaluan juga boleh membantutkan minat remaja dalam membaca buku, lebih-lebih lagi buku-buku ilmiah. Alat-alat seperti televisyen, radio, telefon dan komputer telah ‘mencuri’ kebanyakkan masa membaca buku yang biasanya diamalkan secara ‘santai dan bersandar’. Dengan adanya internet dan media sosial seperti *facebook*, *twitter* dan *telegram* aktiviti membaca yang selalu dilakukan pada waktu lapang, kini sudah bertukar kepada tabiat membaca pada layar skrin berbanding membaca pada lembaran kertas dan naskhah buku. Dalam satu jurnal akademik yang dibentangkan di New Delhi pada tahun 2009, media telekomunikasi baharu yang wujud kini boleh dianggap sebagai ‘mesin penelan masa’ kerana ia telah banyak menghabiskan masa pengguna. Dakwaan ini boleh jadi betul, kerana jika ditinjau kepada tabiat remaja pada masa ini yang sentiasa bersama dengan gajet seperti telefon pintar pada setiap masa.

Jika disoroti riwayat hidup Imam Shafie, tidak pernah dalam hidupnya sehari-hari beliau meninggalkan buku dan pena. Beliau sering mencatat ilmu yang dipelajari daripada Imam Malik walaupun di atas tapak tangannya sendiri. Pernah Imam Malik menegur beliau kerana tiada sebarang catatan di atas tapak tangan Imam Shafie. Beliau juga sentiasa membawa buku bersamanya apabila bermusafir, malah menurut cerita masyhur ketika Imam Shafie ditahan oleh sekumpulan perompak dalam perjalanan, barang yang paling banyak dibawa oleh beliau adalah naskhah buku.

Namun, pada hari ini, golongan remaja khususnya, sibuk membimbbit telefon pintar masing-masing ke mana sahaja mereka pergi. Tabiat itu kini telah menjadi gaya hidup yang biasa diamalkan golongan remaja yang kini dikenali sebagai ‘generasi ibu jari’. Terma itu sesuai untuk menggambarkan generasi remaja kini sering menggerakkan ibu jari untuk menaip dan menggerakkan jari jemari di atas skrin telefon pintar. Persoalannya kini, apakah tabiat ‘bergayut’ dengan telefon pintar atau gajet mendatangkan banyak faedah kepada remaja khususnya dalam membudayakan amalan membaca? Apa yang dimaksudkan dengan membaca disini ialah budaya membaca bagi mendapat dan menambah ilmu pengetahuan. Firman Allah SWT dalam surah Al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

(1) *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), (2) ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. (3) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, (4) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, (5) ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Allah SWT telah memerintahkan agar manusia membaca. Bukan setakat membaca, tetapi membaca untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Membaca boleh ditakrifkan sebagai perbuatan memetik dan memahami erti yang terkandung dalam tulisan. Amalan membaca jelas sekali menjadi aktiviti paling utama yang pernah diperintahkan oleh Allah SWT. Seorang Sarjana Barat pernah berkata bahawa: “*membaca adalah cara bagi menjamkan minda, ia seperti kenderaan yang boleh membawa seseorang mencapai suatu idea. Seseorang yang membaca dengan baik mempunyai kapasiti untuk meluaskan mental dan meningkatkan peluang untuk mencapai kejayaan, membaca juga adalah faktor penting dalam membentuk pembangunan intelektual dan emosi*”



Sejak tercetusnya teknologi media (ICT) gaya membaca masyarakat umum sedikit sebanyak sudah berubah kepada media yang berasaskan kepada skrin kaca. Walaupun teknologi maya menyediakan banyak platform bagi mencari maklumat dan mendapatkan ilmu pengetahuan, namun, pelawat ruang maya masih kurang memilih dan kurang mengakses bahan-bahan bacaan ilmiah seperti buku digital, majalah dan laman web yang membicarkan ilmu pengetahuan. Amat mengejutkan apabila terdapat laporan yang disiarkan dalam Malaysiakini bertarikh 25 April 2012 yang menyatakan secara purata remaja di Malaysia menghabiskan masa sebanyak 33 jam dengan media seperti televisyen, radio, komputer, telefon pintar dan majalah picisan. Bagaimana terjadi kadar purata sebanyak 33 jam? Ia boleh terjadi apabila seseorang menggunakan beberapa media pada masa tertentu secara serentak seperti mendengar radio semasa 'online' dengan internet dalam masa sama juga menonton televisyen. Oleh yang demikian masa purata penggunaan media tersebut menjadi lebih dari 24 jam sehari. Amat merugikan, apabila statistik tersebut juga menunjukkan secara purata sebanyak 27 jam diperuntukkan bagi aktiviti sedentari atau sendirian, kebanyakkannya bertujuan untuk berhibur dan berinteraksi antara rakan-rakan sosial.

Fenomena tersebut bertepatan dengan pendapat Shaharom Sulaiman dalam bukunya '*Realiti Dan Ilusi Kehidupan Dalam Era Siber*' yang menyatakan bahawa kehadiran internet dan rangkaian telekomunikasi canggih akan membentuk jaringan sosial yang baharu dan memberi kesan kepada kegiatan hidup sehari-hari. Salah satu adalah penjadualan kembali kehidupan kerana masa yang dihabiskan untuk melayari internet sangatlah banyak sehingga boleh mengganggu kerja-kerja lain. Mungkin antara 'kerja-kerja lain' yang dapat disenaraikan adalah amalan membaca buku dan menimba ilmu pengetahuan.

Tidak keterlaluan jika dikatakan baha wa

kepesatan peranti berkemampuan internet dengan aplikasi media sosial menjadi ancaman besar kepada pembudayaan ilmu dan tabiat membaca buku dalam kalangan remaja. Semakin remaja sibuk dengan media skrin, semakin jauh mereka daripada buku. Apabila remaja jauh daripada buku, maka tiada lagi wujud budaya ilmu dalam kehidupan mereka. Suatu masa dahulu, ketika media kertas sedang rancak diperluaskan di Kota Baghdad sekitar tahun 739 masih, buku menjadi ikon dan simbol ketamadunan sesebuah bangsa. Seorang sarjana Muslim bernama Yaacubi pernah mengatakan bahawa ada terdapat lebih 100 buah kedai buku di pinggir Kota Baghdad dan ramai waraqueen yang mampu menjadi 'jurufotokopi manusia' untuk menyalin semula buku apabila diminta oleh pelanggan. Cuba bayangkan, apakah ketagihan dan kecintaan umat Islam ketika zaman itu? Bukankah kepada buku dan tulisan?

Sememangnya kita tidak dapat menolak teknologi. Namun, kita perlu sedar teknologi hanyalah suatu alat bukanlah tujuan. Jika tujuan menggunakan internet untuk perkara yang menambahkan kebaikan seperti menambah ilmu pengetahuan, tentu seseorang akan menemui pelbagai cara dan saluran. Dengan melayari laman web yang berunsurkan ilmu, dakwah dan bahan ilmiah serta maklumat seseorang tentu akan memperolehi sedikit sebanyak manfaat daripada kandungan yang disediakan. Cuma, tidak sesuai melayari internet melalui telefon pintar bagi tujuan menambah dan mencari ilmu. Ini kerana telefon pintar kebiasaannya mempunyai kuota memori yang minima dan kecil serta perlu pada akses internet berbayar. Dalam hal ini media kertas seperti buku dan majalah masih relevan menjadi medium kepada remaja dalam menggalakkan amalan membaca dan budaya menimba ilmu. Manakala, media skrin seperti telefon pintar boleh digunakan dalam menyebarkan ilmu pengetahuan melalui teks mesej, gambar dan berkongsi video yang bersifat ilmiah dan berpengetahuan.



MENGAPA BERLAKU PENYELEWENGAN AQIDAH - BAGAIMANA MENGENALINYA ?

Oleh: Fatimah Saad (Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM).

Pendahuluan

Beragama dan berakidah adalah satu kewajipan ke atas setiap Muslim yang hidup di dunia ini. Tanpa akidah berasaskan tauhid kepada Allah SWT yang Esa, maka manusia itu akan sesat. Agama adalah sesuatu yang dianuti oleh semua bangsa di dunia ini sama ada menganut agama Islam atau sebaliknya. Kita merasa hairan melihat orang-orang yang memutuskan hubungan langsung dengan dunia - tiada erti wanita dan harta dalam kehidupannya. Bagi mereka, untuk mendampingi Tuhan, manusia mesti memutuskan hubungan dengan segala sesuatu yang dianggap mata benda dunia.

Paling malang ialah manusia yang mendakwa tidak beragama tetapi pada masa tertentu mereka bertafakur di hadapan kubur orang-orang yang dianggap oleh mereka sebagai manusia agung dan telah berjasa kepada mereka. Sehingga menganggap orang yang mati tersebut sebagai jelmaan "roh-roh ghaib" atau kuasa ketuhanan. Hanya agama Islam sahaja yang benar, dapat mengimbangkan kehidupan manusia kerana ia merupakan himpunan peraturan daripada Tuhan untuk kehidupan manusia di dunia ini. Menurut Al-Qur'an, sebab-sebab berlaku penyelewengan aqidah itu dan terbabasnya manusia dari landasan agama yang sebenar ada tiga:

- i) Kelemahan iman atau tiadanya akidah yang sebenar pada manusia itu
- ii) Godaan syaitan
- iii) Tipu daya manusia dan dunia

Penyelewangan akidah bukan sahaja telah berlaku di kalangan Ahli Kitab tetapi juga telah berlaku di kalangan umat Muhammad SAW dan akan terus berlaku selagi adanya ketiga-tiga faktor yang disebutkan tadi. Apa yang berbeza ialah ajaran Nabi-nabi yang lain selain Nabi Muhammad SAW telah berubah sebegitu rupa kerana penyelewangan-penyelewangan itu sehingga tidak dapat diketahui lagi manakah ajaran asal yang pernah diajar oleh Nabi-nabi mereka dan mana pula yang palsu.

“ Paling malang ialah manusia yang mendakwa tidak beragama tetapi pada masa tertentu mereka bertafakur di hadapan kubur orang-orang yang dianggap oleh mereka sebagai manusia agung dan telah berjasa kepada mereka. ”

Untuk mengetahui sebahagian daripada penyelewangan akidah dan ajaran sesat yang didakwa sebagai ajaran Islam yang sebenar, sama ada secara sengaja diadakan atau tidak sengaja, di sini akan kita kemukakan kelahirannya, sebab-sebab kemunculan dan cara-cara mengatasinya supaya agama Islam yang suci ini, tetap dengan kesucian dan ketulenannya dan dengan itu terbuktilah apa yang difirmankan oleh Allah SWT yang bermaksud: "Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian)". (As-Saff: 8)

Ajaran-Ajaran Sesat Yang Berkembang Di Malaysia

Di antara ajaran sesat yang telah dikenalpasti dan diakui oleh pihak berkuasa Agama sebagai sesat dan diketahui sedang beroperasi di dunia Islam amnya dan di Malaysia antaranya seperti berikut:

- i) Syiah
- ii) Qadiani
- iii) Bahai

Di sini akan dibincangkan secara ringkas kesesatan dan penyelewengan aqidah yang berlaku pada golongan-golongan yang tersebut di atas.

i) Ajaran Syiah

Syiah adalah fahaman yang mengandungi kesesatan yang terdapat pada golongan ajaran sesat yang lain. Padanya terdapat ajaran anti-hadith, terdapat fahaman yang menganggap sahabat adalah kafir seperti golongan Khawarij. Terdapat juga di dalamnya kepercayaan terhadap imam dan ikutan mereka secara ‘ghulu’ seperti yang terdapat dalam ajaran-ajaran tarekat dan tasawuf yang sesat. Dapat dikemukakan secara ringkas aqidah mereka yang jelas bercanggah dan bertentangan dengan ajaran Islam yang suci antara lain:

- i) Aqidah Tahrif al-Qur'an
- ii) Aqidah al-Imamah
- iii) Aqidah al-Raj'ah
- iv) Aqidah Takfir as-Sahabah
- v) Aqidah al-Bada'

Dari segi amalan pula, antara lain yang bercanggah dengan ajaran Islam ialah :

- i) Mut'ah
- ii) Menolak Ijmak Ulamak
- iii) Menolak Qias

Semua ajaran yang salah di zaman lampau mempunyai pertalian dengannya atau berpunca daripadanya seperti Khawarij dan Mu'tazilah. Selain dari mempunyai buku rujukan yang terlalu banyak tersebar di kalangan mereka, Syiah juga mempunyai jumlah pengikut yang besar selain dari Ahli Sunnah Wal Jamaah di dunia hari ini. Di antara rujukan-rujukan utama mereka ialah al-kafi, al-Istibshar, Tahzibu al-ahkam, Man La Yahdhuruhu al-Faqih, al-Ihtijaj dan lain-lain lagi.

ii) Ajaran Qadiani

Ajaran Qadiani adalah ajaran yang disokong dan dibantu oleh penjajah Inggeris untuk memecahbelahkan umat Islam dan memadamkan api jihad yang bersemarak di kalangan umat Islam untuk menentang penjajah. Di antara kesesatan dan penyelewengan aqidah golongan Qadiani ini ialah:

- a) Pengasasnya Mirza Ghulam Ahmad mendapat wahyu daripada Allah SWT
- b) Dia adalah Isa Al Masih yang dijanjikan.
- c) Beliau lebih utama daripada sebilangan besar Nabi dan tidak mustahil dia paling afdal daripada sekalian Nabi.

- d) Murid-murid Mirza Ghulam Ahmad adalah orang-orang pilihan di zaman generasi kemudian atau kebangkitan kedua.
- e) Mereka menolak aqidah “Khatmin an Nubuwah” iaitu Nabi Muhammad SAW penyudah sekalian Nabi.
- f) Mengerjakan haji ke Qadyan
- g) Anggapan bahawa Nabi Isa A.S. tidak mempunyai bapa itu adalah salah menurut beliau.
- h) Tanah suci bagi mereka ada tiga iaitu Mekah, Madinah dan Qadyan.
- i) Menta'wilkan ayat-ayat Al-Qur'an sesuai dengan ajaran yang diada-adakan oleh mereka.

iii) Ajaran Bahai

Ajaran Bahai diasaskan oleh Mirza Ali Muhammad dan ajaran Bahaiyyah pula diasaskan oleh Husain Ali yang digelar dengan ‘al Baha’. Sebenarnya kedua-dua ajaran ini mempunyai hubungan yang rapat dengan perancangan Yahudi antara bangsa untuk memusnahkan imej aqidah Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Di antara ajaran Bahaiyyah yang menyeleweng ialah:

- a) Allah SWT tidak mempunyai sifat, nama dan juga af'al. Mana-mana nama sifat dan af'al yang disandarkan kepada Allah SWT tidak lebih dari simbol-simbol untuk orang-orang pilihan dari kalangan manusia sama ada di zaman dahulu atau di zaman kemudian. Mereka merupakan fenomena perintah Allah SWT, tempat turunnya wahyu, menurut fahaman mereka yang terakhir dan paling sempurna di antara mereka ialah Husain Ali al-Mazandani yang telah menggelarkan dirinya “Bahaullah”.
- b) Bahaullah dianggap sebagai fenomena dari Allah SWT yang paling sempurna dan telah dijanjikan. Kedatangannya merupakan saat teragung dan kebangkitannya merupakan qiamat. Kerasulannya merupakan bangkit dan penentangan terhadapnya merupakan neraka.
- c) Bahaiyyah dipercayai sebagai agama yang paling tinggi dan mulia dari antara agama-agama lain kerana pernyataan ‘wujud Allah’ pada al Baha’ adalah dalam bentuk yang paling tinggi dan agung berbanding dengan pernyataannya pada Nabi-nabi yang lalu.
- d) Mereka tidak mempercayai al-Qur'an sebagai mukjizat.
- e) Hujah mereka tentang mukjizat Bahaullah ini ialah semenjak awal lagi ia menghadapi berbagai-bagai ujian dan bencana yang besar. Walaupun dia bukan seorang ahli ilmu dan tidak pernah mendapat pelajaran di pusat-pusat ilmu, namun begitu dia telah memenuhi alam ini dengan ‘lauh-lauh’

sucinya sama ada dalam Bahasa Farsi atau dalam Bahasa Arab.


Di antara amalannya yang menyeleweng daripada Islam ialah:

- a) Sembahyang difardukan ke atas setiap orang yang baligh sebanyak 9 rakaat sahaja setiap hari pada 3 waktu iaitu: pagi, gelincir matahari, petang dengan mengadap ke arah bandar 'Akka'.
- b) Sembahyang dimaafkan kepada orang yang dalam perjalanan atau lemah, sama ada sakit atau tua sebagaimana dimaafkan juga kepada orang mengandung atau menyusu.
- c) Tidak ada sembahyang jemaah pada mereka kecuali pada sembahyang mayat.
- d) Puasa di sisi mereka adalah wajib selama sebulan mengikut kiraan mereka iaitu sebanyak 19 hari. Dimaafkan dari berpuasa orang-orang yang telah disebutkan tadi.
- e) Tidak ada waktu tertentu untuk menuaikan haji.
- f) Perkahwinan dibolehkan hanya dengan seorang perempuan sahaja dan tidak ada perceraian di kalangan mereka.
- g) Pusaka menurut ajaran Bahai adalah sama banyak di antara anak lelaki dan anak perempuan begitu juga sekalian hak-hak yang lain.
- h) Umur baligh di sisi mereka bagi lelaki dan perempuan ialah 15 tahun.

Di antara diayah dan propaganda yang selalu memikat orang-orang yang tidak mengetahui hakikat ajaran Bahaiyyah ini ialah kononnya mereka memperjuangkan 5 konsep utama iaitu:

- i) Kesatuan agama
- ii) Kesatuan tanahair
- iii) Kesatuan bahasa
- iv) Kedamaian sejagat
- v) Persamaan di antara lelaki dan wanita

Sebenarnya mereka tidak pernah membuktikan apa yang dipropagandakan ini, bahkan sebaiknya telah melanggar dari merobohkan sendiri konsep-konsep yang mereka ciptakan untuk propaganda itu.



Di Tepian Teluk Kehidupan

Oleh: Khafizan Mohd Bahar (Guru)

Aku ingin menjadi penulis. Hatiku melonjak-lonjak seperti kumpulan ombak yang melompat melompat di dada laut. Seperti buih-buih yang memanjat-manjat batu yang setia bertugu di tepian teluk. Kata orang jika mahu menjadi penulis, bermulalah dengan melihat alam. Aku tidak tahu, apakah yang telah membelenggu dirinya dari menyingkap tabir alam yang terbentang. Di sini, pulau terpencil seakan terapung nun jauh mata memandang, kapal sarat dan sampan kosong timbul di permukaan mengharung gelombang. Air masin yang sentiasa berkocak, tidak pula ia membusuk. Semua itu adalah petanda sebuah keagungan tuhan. Puas, itu rasa hatinya, apabila dapat menghempaskan sebuah perasaan ke dalam fatamorgana alam. Aku berdoa agar jiwanya dapat mengupas iktibar pada setiap kejadian, Mudah-mudahan. Hafiz saudaraku, sudahpun melemparkan punggungnya ke atas seketul batu besar. Entah kenapa fikirannya yang sedang celaru, di pujuk bayu lembut laut bisa pula jiwanya menjadi tenang.

Dia berjeda di atas seketul batu seketika, sambil merelakan kakinya disapu lembut alunan ombak. Pusaran kecil air di tepian batu seringkali terbentuk bila sahaja ombak beralun. Ketam-ketam kecil berlari tempang ke kanan dan ke kiri, asyik bermain dengan buih.. Cengkerang-cengkerang yang sudah lama bersemadi di atas batu pula membentuk garis

“Apakah maknanya lagi hidup begini. Tidak sempurna seperti orang lain. Tiada pekerjaan tetap dan mengharap bantuan dan ihsan dari orang lain”

lukisan yang berseni. Sepasang kaki Hafiz sudah lama berendam di dalam air. Air laut tidaklah sejuk untuk menenangkan hatinya yang lara. Bukanlah kerana air laut dia ke teluk itu, dia ke situ mencari makna yang hilang dari hidupnya. “Apakah maknanya lagi hidup begini. Tidak sempurna seperti orang lain. Tiada pekerjaan tetap dan mengharap bantuan dan ihsan dari orang lain”. Aku cuba membaca getus hatinya. *Kamu menyesal keadaan diri kamu sekarang?* Aku segera meneka fikiran Hafiz yang sekian tadi melabuhkan layar fikirannya jauh ke tengah laut tidak bertepi. *“siapa kata aku menyesal?”*. Jawab hafiz seolah-olah terkedu dengan pertanyaan aku. *“Dari tadi kamu bercerita tentang kedhaifan kamu. Apa, kamu masih berasa kecewa?”*.

Aku memanjangkan pertanyaan. “aku menyesal kerana banyak masa telah aku sia-siakan, kau lihat sahaja hidup aku sekarang”. Rungut hafiz. “kita masih ada banyak masa Hafiz”. Aku pantas melontarkan sebuah fikiran. Dia sekejap-sekejap merenung ombak yang beralun sambil membaling ketul-ketul kecil batu ke permukaan laut yang terbentang luas. “tiada bezanya masa yang terlepas dengan masa yang akan datang. Semuanya seperti dahulu, siang dan malam. tidak pernah berubah, yang berubah cuma usia kita dan keadaan sekeliling kita”. Pandangan aku membuatkan hafiz termenung sejenak. Dia mungkin terfikir akan kebenaran kata-kataku.

Kata-kataku ada asasnya. “Dan dialah yang menjadikan malam dan siang silih berganti untuk sesiapa yang mahu beringat (memikirkan kebesaran-Nya), atau mahu bersyukur (akan nikmat-nikmat-Nya itu “Surah al furqan: 62). “Maka sesiapa sahaja yang tertinggal pekerjaannya pada waktu semalam boleh sahaja melakukannya pada hari esok, begitulah seterusnya”. Terang aku bersungguh-sungguh. Hafiz hanya mendengar ucapanku dengan hujung telinganya sahaja, dia tidak fokus. “hatta ...jika ditakdirkan kiamat, pada tangan kita ada sebiji benih. kita disuruh menanamnya”. Sambungku lagi seperti bersyarah. Hafiz hanya diam membantu sambil menyandar ke batu.. “Tapi orang seperti aku...kau lihat sahaja.. bagaimana aku nak tanam”. Hafiz menunjukkan tangan kirinya yang longlai dan kakinya yang capik sambil tergelak, menampakkan gigi yang banyak ronggak. “Betul juga”. Aku membala bersahaja sambil berjenaka. Perbualan kami khatam dengan senyum dan gelak ketawa.

Hafiz tidak kekok lagi mengatur langkah dengan tangan dan kaki kirinya yang capik. Dia sudah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan setiap permukaan dan bentuk muka bumi. Aku tidak sangka Hafiz boleh berjalan semula, malah membawa motorsikal setelah hampir sebelas tahun dia hanya bergerak menggunakan kerusi roda. Beberapa tahun lepas aku menemuinya, dia sudah ada tandanya mampu bangun dan bergerak. “bagaimana kamu boleh sembah seperti ini Hafiz”. Tanya aku sedikit kehairanan.“kuasa tuhan”. Jawabnya ringkas dan klise sambil tersengeh-sengeh. Peristiwa sebelas tahun lepas bagaikan masih menghantui hidupnya. Ketika dia dan kawan sekolej dalam perjalanan dengan sebuah kereta. Tiba-tiba sahaja kenderaan mereka dikejar kereta peronda polis. Hafiz terpinga

pinga mengapa kenderaan mereka dikejar polis. Kereta polis semakin menghampiri kenderaan yang ditumpangnya. Semakin dekat semakin ia menghimpit “ketepi-ketepi” jerit seorang anggota polis dari dalam kereta peronda. Hafiz tidak tahu mengapa kereta mereka dikejar polis. “kamu bawa barang itu ke?, gila kau ni!” Hafiz memekik, cemas dan marah. Kawannya mengangguk pendek. Mulut mula gumam tidak jelas bicara. Matanya sedikit terbeliak ketakutan. Muhi melepaskan diri. kereta dipandu semakin laju. Dalam keadaan cemas dan takut, kereta ditumpangi Hafiz hilang kawalan lalu terhumban ke dalam curam yang dalam, sedalam sepuluh meter. Kereta mereka kemek teruk. Badan Hafiz terhimpit ke papan pemuka kereta. Dia jadi kaku tak dapat begerak. Kawannya pula sudah diam tidak bernyawa. “entah, selepas itu aku tak ingat lagi”. Dia menamatkan cerita. Sudah beberapa kali aku mendengar sedutan kisahnya itu. Ceritanya masih tegar seperti versi sebelumnya, menunjukkan ingatan dan memori Hafiz masih baik. “Itulah...itulah permulaan masa yang telah merugikan aku”. Keluh Hafiz.

“Hafiz tidak kekok lagi mengatur langkah dengan tangan dan kaki kirinya yang capik. Dia sudah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan setiap permukaan dan bentuk muka bumi.”

Aku hanya mendengar luahan hati saudaraku itu. Aku paham, jika aku berada ditempatnya mungkin begitu juga perasaan yang akan kualami. “Janganlah kau memandang masa depan dengan kaca mata hitammu, melihat dunia semuanya gelap gelita kerana sekarang yang derita. Aku pernah mendengar penyair bermadah. “Betapa sempitnya kehidupan ini tanpa luasnya cita-cita”. Sengaja aku bergurindam, menyuntik sedikit semangat ke dalam jiwa Hafiz. “Lagipun sebagai Muslim kita tidak seharusnya berputus asa daripada rahmat tuhan”. Aku mengupas

sedikit mafhum daripada surah alHijr ayat 56 yang bermaksud: “*Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa dari rahmat Tuhanmu melainkan orang-orang yang sesat*”. “*Jadi, kamu mesti bercita-cita besar!*”. Aku berteriak kecil sambil memberikan sedikit motivasi secara percuma. Berat mata memandang berat lagi bahu memikul. Kecacatan yang dialami Hafiz telah disahkan oleh doktor sebagai kecacatan kekal. Akibat peristiwa kemalangan sebelas tahun lepas juga Hafiz terpaksa menjalani hidup tanpa limpa kerana hampir sembilan puluh peratus limpanya telah pecah dan terpaksa di buang. Ramai orang tidak percaya dia boleh terus hidup selepas kemalangan itu.

Setiap sudut alam yang indah ini, pasti sahaja ada manusia yang menikmatinya. Begitulah teluk yang telah lama menghuni dan menghiasi pantai ini. Saban minggu pasti ramai orang mengunjunginya. Beriadah, meluang masa bersama insan tercinta. Hafiz menghalakan pandangannya ke arah manusia yang sedang bermain-main di tepian pantai. Ada ibu yang memimpin tangan anak meniti batu, ada ayah sedang menyambut anak yang sedang berlari. Sungguh membahagiakan, sungguh mendamaikan. Aku juga merasakan yang alam ini akan bisu tanpa manusia, manusia pula akan buta tanpa alam. Sungguh aku katakan, insan bernama Hafiz kurang merasai kasih sayang seorang ayah. Dari zaman kanak-kanak sehingga remaja ayahnya sering bermusafir, tidak pula dia sempat memperdulikan akan didikan dan disiplin anak-anak. Tugas mendidik anak dan mendisiplinkan mereka betul-betul hanya terletak pada seorang ibu. Mungkin itulah antara faktor, masa silam Hafiz dicemari kisah-kisah hitam yang kini menjadi teladan dalam hidupnya. Hafiz

**“ Berat mata
memandang berat
lagi bahu memikul.
Kecacatan yang dialami
Hafiz telah disahkan
oleh doktor sebagai
kecacatan kekal.**

selalu teringat-ingat kata guruan atau cercaan dari mulut ayahnya. “*Hah hidup lagi kamu ya Hafiz, ingat ke mati dah...itulah, tak dengar nasihat abah*” . setiap kali apabila berjumpa dengan ayahnya. Ayah Hafiz mungkin tidak dapat menerima keadaan anaknya yang capik, tidak mempunyai masa depan. Mungkin sebab itu dia berkata begitu.

Bukan itu sahaja, kadang-kadang ayahnya menuduh Hafiz sebagai sewel kerana dia berfikiran celaru dan cakap sedikit merapu. Patutkan seorang ayah berkata kepada anaknya begitu? Adilkah seorang ayah yang kurang memberi perhatian kepada didikan dan disiplin anak menyalahkan anaknya semula atas semua ketelanjuran diri?. Aku pula melihat Hafiz seorang anak yang baik. Setiap kali dia mengadu kepadaku tentang sikap ayahnya, dia akan berkata “*dah dia abah, buat tak tahu sahajalah dia cakap apa*”. Aku bersetuju dengan sikap dan tindakan Hafiz kerana selari dengan ajaran agama “*Dan apabila salah satu atau ke dua-dua orang tuamu menjadi tua, maka janganlah kamu berkata kepada mereka walaupun perkataan ‘uf’, dan janganlah pula kamu mengherdik mereka. Katakanlah kepada mereka perkataan yang baik*” . (Surah Al- Isra ayat 23).

Hafiz, memang seorang anak yang baik. Ditakdirkan tuhan, sewaktu ibunya terlantar selama sebulan di hospital akibat tibi paruparupu, dialah yang sentiasa menjaga ibunya. Oleh sebab Hafiz lumpuh kekal, dia mendapat sedikit bantuan daripada badan kebajikan dan baitulmal. Jadi, Hafiz tidak kisah menjaga ibunya yang sedang sakit di hospital kerana walaupun dia tidak bekerja, dia ada wang bagi menampung perbelanjaan sendiri. Kata abang dan kakaknya Hafiz tidak pernah pun sedikit merungut dan sentiasa senyum ketika menjaga ibunya. Malah, ketika ibunya sedang nazak meniti saat sakaratul maut. Sedang kakak, adik-adik dan abangnya tersedu-sedu menangis tidak dapat berbuat apa-apa. Hafiz dengan tenang membuka lembaran surah yasin lalu membacanya .“*mak, mak pergilah dengan tenang ya*” . Pesan Hafiz ke telinga ibunya tercinta. Abang, kakak dan adik-adiknya pun turut memulakan bacaan yasin dan tahlil. Seketika itu, nafas ibunya mula tenggelam sedikit-demi sedikit, terputus di halkum lalu dia menutup mata dengan tenang. Hafizlah yang mengetuai urusan jenazah ibunya sehingga dikebumi.

Aku menepuk bahu Hafiz seraya bertanya. Dia tersedar dari lamunan. “*Selepas ini, kamu mahu bekerja di mana pula Hafiz?*”. “barubaru ini ada ustaz di sekolah tahniz minta aku mengajar. Tapi tak pasti lagi”. Jelas Hafiz. “*Ha, hafiz bagus tu, berguna juga pelajaran agama yang kamu pelajari di sekolah agama dengan aku dulu*”. Aku memberi kata-kata semangat padanya. Dia membaca maksud sepotong hadis kepadaku “sebaik-baik kamu adalah orang yang

persendirian.Tetapi, kerana dia berstatus OKU, tidak ada sekolah agama persendirian yang menawarkannya jawatan tetap. Dia juga sudah berkali-kali menghantar borang jawatan guru KAFA, namun ditolak lebih awal. Kali ini Hafiz tidak mahu berputih mata lagi. Aku segera memberikan sedikit tip untuk sesi temuduga nanti.


“*Mahu ke mana Hafiz, aku belum habis memberi tips kepada kamu ni?*”. Hafiz terus bergegas menuju ke motorsikal skuternya. Sekuternya telah diubahsuai dan dilabel dengan pelekat OKU dihadapan dan belakang motor. Hafiz lantas mencapai topi keledarnya. “*Aku nak balik*”. Hafiz tidak menyempat lagi mahu balik ke Selangor semula. Baru sahaja dia bermalam di sini semalam. Hafiz sempat berjabat tangan dengan aku dan mengucapkan salam. Aku pula mengengam tangannya sedikit lama lalu berkata “*semoga berjaya*”. Hafiz dan aku berpelukan di khayalak ramai. Desiran angin yang bertiup lembut di celah daunan ru juga bagaikan merelakan perjalanan saudaraku Hafiz.

Beberapa bulan selepas itu, aku mendapat berita yang mengecewakan. Hafiz tidak ditawarkan jawatan. Apakah mungkin kerana statusnya sebagai orang kelainan upaya? atau Hafiz tidak layak ,lantaran kesihatan mentalnya yang diragukan? Namun, tetaplah kehidupan saudaraku itu diteruskan walau apapun cabaran mendarang. Aku pula, perlu kerap menemuinya, bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan. Kini aku baru mendapat sedikit pelajaran, untuk menulis bukanlah sekadar melihat alam, malahan,perlu memerhati dan prihatin akan setiap kisah suka duka insan.



mempelajari Al-qur'an dan mengajarkannya”. Hafiz tidak sempat tamat belajar di kolej Islam kerana terlibat dalam kemalangan. Namun perancangan ilahi, rupa-rupanya pelajaran agama yang dipelajari di sekolah agama rakyat sehingga tingkatan tiga menjadi bekal paling berguna dalam hidupnya. Aku mengimbas semula kisah Hafiz lalu merenung jauh ke dalam diriku sendiri sambil mengingati sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud “*sesiapa yang Allah mahukan kebaikan kepada seseorang, Dia akan memahamkan padanya akan agama*”. Tidak lama selepas itu, telefon Hafiz berdering, aku mengagak seperti ada khabar yang menggembirakan hatinya kerana tampak senyuman terukir di wajahnya. “*Ada berita gembira, nampak?*”. “*Ya, aku dapat temuduga guru KAFA di Selangor*”. Kata Hafiz sambil melompat gembira. Walaupun hanya temuduga, Hafiz seolah-olah yakin nasib yang baik akan menyebelahinya. Hafiz, memang sudah ada pengalaman mengajar fardhu Ain, mengaji dan sedikit kemahiran bahasa Arab. Dia juga ada pengalaman mengajar kanak-kanak sebelum ini di beberapa buah sekolah agama





MUSYKIL AGAMA

Oleh: Fatimah Saad (Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan JAKIM).

**BAGAIMANAKAH KEDUDUKAN HUKUM
UMAT ISLAM YANG TERLIBAT DENGAN
PERJUANGAN ISLAMIC STATE (IS)?**



JAWAPAN

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia Bil. 1/2015 yang bersidang pada 20 April 2015 telah membincangkan mengenai Cadangan Pindaan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-106 Mengenai Isu Umat Islam Yang Terlibat Dengan Perjuangan Islamic State (IS). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:



1. Berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa **kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama IS di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar mengikut Hukum Syarak.** Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.



2. Muzakarah bersetuju menegaskan bahawa perjuangan kumpulan militan IS adalah **bertentangan dengan ajaran Islam, amalan demokrasi dan nilai kemanusiaan sejagat.** Sehubungan itu, selaras dengan prinsip dan ajaran Islam yang menolak keganasan dan pembunuhan sesama manusia, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa adalah **haram bagi umat Islam menyertai kumpulan militan yang membawa ideologi keganasan dan melakukan pembunuhan, radikal dan ekstrim seperti Kumpulan IS kerana ia bercanggah dengan prinsip ajaran Islam dan ia boleh menggugat keselamatan dan kestabilan Negara.**

3. Muzakarah menasihatkanseluruhumatIslamdiMalaysia supaya tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan Kumpulan IS ini, kerana perjuangan mereka **tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid** menurut kerangka hukum syarak.



KONSEP KESYUKURAN DALAM ISLAM

.....

伊斯兰的感恩概念 马丽编

Oleh: Hafizah Mohd Yusuf (Penterjemah RTM)

感恩是一种人们心灵的真诚、谦虚又净化，对所得到的任何益处和恩典的良好反应，尤其是当一个人得到安拉赐给的恩泽和慈悯之后。感恩培养人们的心灵里有一份良知和珍惜所得到的任何益处和恩典之心态。

实行了感恩的优秀行为，它不只为一个人的心灵上带来真诚、谦虚又净化的作用，它也启发人们在身心上、在工作岗位上，在家庭里与在社会上的互相珍惜、尊敬和沟通的气氛。



人对安拉的感赞：伊斯兰的宗教要求大家在身心应该拥有感恩图报的优秀品德。如果我们可以在日常生活的各方面，表现对安拉的感恩，最崇高的安拉会加倍赐给我们更多的恩泽和慈悯。

人们之间的感谢：心灵上的净洁使人们在心灵、身体和具体受到美化，而达到了真善美的境界。若人们要以优秀受赞美的品德消除卑鄙受憎恶的行为，就必需尽力遵从伊斯兰的规定使心灵、身体和具体都清洁。

古兰经第39章成群结队的人们章第66节最崇高安拉的启示的译意：“你只要膜拜安拉，你也要成为感谢赞扬真主的人。”

结论：人们对安拉的感恩可以由内心和行动以及言行表现出来。比如默念念主词、诵念词，或履行得到多倍报赏的行善和善功等等。除此之外，人们之间的感谢可以经过内心培育良好的修养，透过言行表露互相珍惜和尊重以及沟通之真诚与谦虚的态度。

感赞是穆斯林们对安拉的感恩或知感之优秀品德；然而感谢是人们之间互相表达珍惜的行为。



Konsep Kesyukuran Dalam Islam

Oleh: Hafizah Mohd Yusuf (Penterjemah RTM)

Syukur ialah satu sifat tindak balas baik yang disampaikan secara ikhlas, tawaduk dan muhasabah terhadap diri sendiri kerana mendapat kebaikan dan nikmat, terutamanya apabila selepas seseorang itu mendapat nikmat yang diberi oleh Allah SWT. Syukur memupuk ciri insaf dan suka menghargai ke dalam diri apabila menerima setiap kebaikan dan nikmat.

Kesan daripada amalan suka bersyukur, selain fungsinya mendorong seseorang ini menghargai kebaikan dan nikmat yang diperoleh, amalan ini turut memberi hidayah agar kita saling menghargai, saling menghormati dan saling berkomunikasi dengan baik di tempat kerja, dalam keluarga dan juga dalam masyarakat.

Syukur manusia kepada Allah SWT : Agama Islam menuntut kita memiliki nilai murni berterima kasih dan mengenang jasa. Kalau kita menunjukkan sifat syukur ini dalam pelbagai aspek kehidupan harian, maka Allah SWT akan mengurniakan nikmat dan rahmat yang berlipat ganda ke atas kita.

Maksud firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud "Hendaklah kamu menyembah Allah semata-mata, dan hendaklah kamu menjadi daripada orang yang bersyukur". (az-zumar:66).

Terima kasih sesama manusia: Nilai saling menghargai dan saling menghormati dapat menghapuskan apa-apa perbuatan keji yang dibenci. Untuk mencapai tujuan ini, maka kita perlu mematuhi peraturan yang ditentukan oleh Islam agar jiwa sanubari, jasad tubuh badan dan keseluruhannya menjadi bersih suci. Ajaran Islam menuntut kita sentiasa bersifat terima kasih sesama manusia dan bersyukur kepada Allah SWT.

Kesimpulannya: Sifat syukur manusia kepada Allah SWT boleh ditunjukkan melalui hati dan tingkah laku serta tutur bahasa, misalnya berzikir dalam hati, membaca zikir, melakukan amal kebajikan atau amal ibadat yang banyak memberi balasan pahala berganda kepada manusia. Selain ini, sifat terima kasih sesama manusia boleh dilakukan melalui sikap menghargai dan menghormati orang lain yang baik dalam hati atau dizahirkan melalui perbuatan dan tutur bahasa.



Dia, Khairunnisa'

• Siri 26

2 Hari 2 NAN LESU

Oleh Salina Ibrahim (Pengarang)

DUA hari, dia tidak buat apa-apa. Dua hari, tubuhnya lemah dan lesu. Dua hari, sendi dan ototnya lembik lotek. Dua hari juga, otaknya seakan-akan berhenti berfungsi. Dua hari, jam seperti tidak bergerak, lalu segala-galanya menjadi statik. Dan selama dua hari ini, dia hanya baring, baring dan baring walaupun matanya tidak dapat lelap dan sama sekali dia tidak boleh lena.

Khairunnisa' cuba mengerahkan akalnya berfikir tetapi entah mengapa dia terasa segalanya amat tumpul. Dia menyebak selimut dan melihatnya dirinya sendiri masih dalam baju T lengan panjang dan seluar trek yang sama sejak dua hari lalu. Dia memejamkan mata dan berusaha membayangkan sesuatu. Dia cuba memanggil semua peristiwa yang sudah tertinggal sejak dua hari ini. Dia cuba menyusunnya semula satu-satu.

Dua hari lalu, mereka sekeluarga tiba dari Kuantan. Tubuhnya amat lemah, mindanya terasa begitu letih dan

serasa-rasa dia sudah kehabisan tenaga walaupun sekadar untuk mengangkat sebelah kaki. Perjalanan dari Kuantan memakan masa hampir tiga jam, walaupun hanya duduk di dalam kenderaan tetapi entah mengapa telah menguras tenaganya ke tahap sifar.

Papa muncul di pintu kereta menyambutnya. Mama terburu-buru membuka pintu rumah dan papa memimpinnya masuk ke dalam.

“

**Khairunnisa' cuba
mengerahkan akalnya
berfikir tetapi entah
mengapa dia terasa
segalanya amat
tumpul.**

”

"Terima kasih sebab datang. Dia diam sangat sepanjang jalan tadi tapi rasanya dia tak tidur pun. Kami dah naik risau," kedengaran suara mama, perlahan.

"Tak apa, saya bawa dia ke biliknya dulu...!" Papa membalias. Suara papa kedengaran lebih tenang di telinga Khairunnisa', sekali gus buat hatinya terasa damai sedikit.

Papa memimpinnya ke kamar. Dia duduk di birai katil. Mindanya kosong. Kosong sangat. Papa duduk di sebelahnya. Merenungnya dalam-dalam.

"Nissa okey?"

Dia dengar soalan itu. Dia hanya angguk.

"Nissa' ada nak cerita apa-apa pada papa?"

Dia bungkam juga. Dia tidak tahu bagaimana hendak bercerita, apa yang hendak diceritakan. Entah mengapa lidahnya terasa kelu. Dan ya, dia tetap kosong seperti tadi. Dia cuba mengerahkan akalnya berfikir. Separuh memaksa mindanya bekerja menyusun semula peristiwa yang berlaku dalam bentuk perkataan supaya dapat diluahkan dalam bentuk kata-kata kepada papa. Tetapi dia hilang perkataan. Dan hilang kata-kata juga!

"Apa yang Nissa' rasa sekarang?" Lembut lagi kedengaran suara papa.

Dia hanya mampu menggelengkan kepala. Hanya itu yang dia dapat dia lakukan. Dia benar-benar terasa buntu.

"Sedih?"



**Dan untuk seketika,
dia biarkan perasaan
selamat itu mengepung
sekujur tubuhnya.**

**Dia benar-benar rasa
selamat. Kalau papa
ada bersama-sama
tempoh hari, tentu
dia tidak akan alami
kejadian itu!**



Dia memikir-mikir adakah dia sedih. Adakah perasaan itu? Entah?

"Takut?"

Khairunnisa' ketap bibir. Dia tidak sempat menjawab soalan pertama. Dan sekarang ditanya soalan kedua. Dan perlahan-lahan dia angguk.

"Papa ada di sini. Jangan sedih, jangan takut!" Dan papa merangkul bahunya, menariknya rapat. "Papa ada di sini." Dan papa mengulangi kalimah itu.

Khairunnisa' terasa air matanya mengalir di pipi. Dia rasa begitu selamat dalam rangkul papa. Buat pertama kali dia terasa begitu sejak peristiwa yang menakutkannya. Peristiwa di sungai yang nyaris meragut nyawanya.

"Insya-Allah tak ada apa-apa. Jangan takut!"

Dan untuk seketika, dia biarkan perasaan selamat itu mengepung sekujur tubuhnya. Dia benar-benar rasa selamat. Kalau papa ada bersama-

samanya tempoh hari, tentu dia tidak akan alami kejadian itu!

Dia rasa letih. Dia baring. Papa menggalakkan dia tidur. Dia cuba memejamkan mata. Dia rasa dia tidak tidur sejak kejadian di sungai. Dia memang berusaha untuk tidur tetapi tidak berjaya. Dia hanya mampu baring sahaja. Tetapi kali ini, demi papa, dia akan cuba baring lagi dan memujuk mata untuk tidur.

"Macam mana dia?" Dia dengar suara mama. Mama berada di hadapan pintunya. Papa perlahan-lahan bangun, mungkin menyangka Khairunnisa' sudah lena, lalu menapak keluar.

"Dia trauma agaknya. Bagi dia masa. Biarkan dia rehat."

Khairunnissa' memang berusaha untuk berehat. Matanya pejam tetapi dia tidak tidur. Dia dengar semua perbualan ibu bapanya.

"Saya tak tahu macam mana semua ni boleh berlaku. Dia nak selamatkan adiknya. Tapi dia nyaris...!"


"Dia selamat, dia tak apa-apa. Saya tahu, Khairi dah cerita semua. Bukan salah siapa-siapa pun!"

“Dia selamat, dia tak apa-apa. Saya tahu, Khairi dah cerita semua. Bukan salah siapa-siapa pun!”

"Lepas dia dibawa naik ke darat, dia tak sedar. Pengsan mungkin, entahlah. Kami dah takut sangat masa tu. Tapi lepas tu, dia sedar semula. Dan sampai sekarang, dia tak bercakap apa-apa pasal kejadian tu. Saya rasa takut sangat!"

"Dia tak apa-apa. Mungkin dia penat. Biarlah dia rehat!"

Khairunnisa' memejamkan mata. Papa dan mama sudah tiada di hadapan biliknya. Tetapi suara mereka seakan-akan masih berpiang-piung di telinganya.



Itukah yang berlaku padanya di sungai tempoh hari? Dia tahu ada sesuatu berlaku ketika mereka berkelah. Adik Fathi nyaris lemas. Dia terjun demi menyelamatkan adiknya. Yang dia ingat, air menenggelamkan dia. Bukan air menenggelamkan dia tapi dia yang tenggelam di dalam air, atau mungkin kedua-duanya sekali. Air masuk ke dalam mulutnya, telinganya, hidungnya dan segala lubang yang terbuka pada tubuhnya. Dan selepas itu, dia tak ingat apa-apa lagi.

“ Dia pengsan dan selepas dia sedar semula, dia tidak lagi jadi Khairunnisa’ seperti yang mama kenali.

Itukah yang berlaku? Dia pengsan dan selepas dia sedar semula, dia tidak lagi jadi Khairunnisa’ seperti yang mama kenali.

Khairunnisa’ mengerahkan minda berfikir semula segala yang berlaku. Sungguh dia tak ingat adakah dia benar-benar pengsan. Tapi yang pasti, memang ada sesuatu yang berlaku. Sesuatu yang buat dia rasa perasaannya begitu kosong sekarang.

Dia tidak tahu apa yang dia rasa sesungguhnya. Ada macam-macam rasa mungkin yang saling bergaul dalam dirinya.

Kosong? Ya, memang itu yang dia rasa.

Bingung? Tidak dia nafikan, dia memang bingung.

Takut? Ya, ada juga. Tadi dia mengakui dia takut ketika ditanya oleh papa. Mengapa dia harus rasa takut, dia tidak tahu.

Entah mengapa semua perasaan ini harus bergaul dalam dirinya. Mungkin ada sesuatu yang berlaku ketika dia pengsan telah menyebabkan dia diserang semua perasaan yang tidak enak ini. Lalu menyebabkan emosinya

jadi terganggu. Lalu menghilangkan dirinya yang selama ini mama kenali.

Semalam mama tidak benarkan dia ke sekolah. Sepanjang malam, dia tidak dapat tidur sebenarnya. Dia cuba tidur sebenarnya, dia terlelap, entah berapa lama, mungkin beberapa minit saja, tetapi dalam tidurnya itu, dia ternampak air yang berpusar-pusar lalu dia tersentak bangun. Dia jadi takut hendak memejamkan mata. Bimbang hendak lena. Begitulah yang berlaku beberapa kali sehingga menjelaskan tidurnya. Kelesuannya menjadi alasan mama menyuruhnya bercuti.

Petang semalam, sahabatnya Cha datang menziarahi sepulang dari sekolah. Cha menceritakan semua yang berlaku di sekolah. Hal-hal biasa saja pada pendengarannya. Contohnya, orang itu buat ini. Cikgu itu beri kerja rumah. Cikgu ini marah mereka. Dia diam. Tak bersuara, hanya dengar. Cha juga tidak mendesak dia bercakap.

Dia belum ada semangat hendak bercakap dengan kawan-kawan. Malah dengan ahli keluarga juga dia malas hendak berbual. Papa singgah sepulang dari pejabat, duduk bersama dia agak lama juga, tapi dia lebih banyak mengangguk dan menggeleng dengan papa. Atau paling kurang, sepatah dua kata seperti, “ya”, “tak” atau “entah.”

Hari ini juga sama. Dia terlalu lesu untuk bangun dari tidur. Malah rasa terlalu lelah untuk berjalan. Lalu dia bercuti lagi. Dia tidak fikir langsung hal sekolah yang ditinggalkan, kawan-kawan yang mungkin bertanya-tanya atau guru yang risau dia akan ketinggalan dalam pelajaran.

“Tak nak ke sekolah hari ni?” Mama bersuara ketika masuk ke bilik mengejutkan dia subuh pagi tadi.

Dia diam, terkebil-kebil ketika dikejutkan oleh mama.

"Semalam cuti, hari ni takkan nak cuti lagi? Tak lama lagi peperiksaan, banyak pelajaran tertinggal." Suara mama tidak selembut semalam.

Tetapi Khairunnisa' malas acuhkan kata-kata mama. Dia tarik selimut semula. Mama kedengaran melengus, mungkin tidak kuasa hendak memujuk. Mama melangkah keluar. Dan di pintu, mama menoleh kembali ke arahnya.

"Bangun solat subuh. Berehat di rumah kalau tak nak ke sekolah. Tapi solat jangan tinggal pula! Mama kena pergi kerja hari ni. Mama masak nasi dan lauk, kalau nak makan. Pukul 12 nanti, abah balik temankan Nissa di rumah."

Dia hendak jawab, dia tidak perlu sesiapa temankan dia di rumah tetapi dia malas hendak bersuara. Biarlah!

Abah Khairi balik kerja awal hari ini. Dia menjemput Fathi di rumah pengasuh sebelum balik. Abah Khairi menjenguk sebentar melihatnya, bertanya akan keadaannya hari ini. Dia hanya angguk dan geleng sahaja.

Cha datang petang tadi, bercerita lagi tentang hal-hal di sekolah. Cha kata,

ada kawan-kawan lain hendak ikut juga tetapi masing-masing ada aktiviti. Ada yang ikut kelas tambahan, ada yang masih sibuk dengan kelab, ada yang masih kalut dengan latihan sukan.

"Mama kau cakap, kau masih tak sihat. Mungkin tak sesuai kalau kawan-kawan datang beramai-ramai menyerbu. Itu sebab aku datang seorang saja. Mereka semua berkirim salam pada kau," Cha bercerita. Nada suaranya seperti bangga kerana dalam ramai-ramai kawan, hanya dia yang mama benarkan berjumpa Khairunnisa'.

Argh, Cha ... dia berkawan dengan Cha sudah lama, ibu bapa mereka saling mengenali, sudah tentu mama lebih percayakan Cha. Cha hanya bertandang lebih kurang setengah jam. Dia tergesa-gesa balik, katanya, hendak siapkan kerja sekolah yang bertimbun dibekalkan oleh cikgu.

Khairunnisa' terkebil-kebil sendirian. Pintu kamarnya terbuka luas. Memang sengaja dibuka luas begitu. Dia mendengar suara Fathi yang becek bersempang dengan abahnya di ruang tamu di bawah. Dan suara Fathi yang begitu menguasai rumah sekarang ini.

"Kakak!" Fathi tercengok di hadapan pintu biliknya bagaikan tahu-tahu dia sedang memikirkan adiknya itu.

Khairunnisa' agak terkejut tetapi dia tiada mood hendak melayan. Dia tarik selimut menyelubungi muka.

"Fathi...!" Itu suara Abah Khairi. "Kakak tak sihat. Jangan kacau kakak. Mari tolong abah buat cucur kodok!" Dia dengar Abah Khairi memujuk Fathi.

"Kakak sakit apa? Fathi nak bersempang dengan kakak." Polos kedengaran suara Fathi.



"Nanti kakak sihat, Fathi bersembanglah dengan kakak. Sekarang, tolong abah di dapur, okey?"

"Okey!"

Dan perbualan anak beranak itu lenyap kemudian.

Khairunnisa' terus diam dalam dunianya. Terasa makin membeku dalam dunia yang dicipta oleh mindanya sendiri. Dunia yang tiada ruang. Dunia yang kosong sekosong kosongnya.

Dia terasa dirinya hanyut entah ke mana.

Dia melihat jiwanya menipis dan menipis.

"Khairunnisa'!" Dia terkejut metah apabila namanya disergah. Buntang matanya ke arah pintu. Papa berdiri di situ. Papa dengan wajahnya yang tidak mesra. Wajah yang jarang-jarang dia tengok, malah mungkin tidak pernah dilihat sebelum ini. Wajah marah!

"Apa nak jadi ni? Semalam ponteng sekolah, hari ni pun ponteng. Tak mahu bercakap dengan orang. Kenapa ikut hati sangat ni?!"

Dia tergamam di balik selimut. Suara keras dan marah itu suara papa yang tidak pernah didengarnya sebelum ini. Papa mara, mendekati katil.

"Bangun!!" Papa merentap selimutnya.

Khairunnisa' terasa tubuhnya menggigil tiba-tiba. Papa tidak pernah mengamuk. Dan inilah kali pertama, dia melihat papa mengamuk dengannya!

"Patutnya kamu bersyukur sebab masih hidup. Allah beri peluang, gunakan sebaiknya. Bukan hanya bersikap tak ketahuhan begini. Ini dah macam

apa pun tak tahulah. Nak kata mati, tak mati, tapi hidup pun tidak!" Papa bersuara dalam satu nafas.

Khairunnisa' tergegau. Dia melihat wajah papa yang merah padam kerana marah. Tetapi dalam sekelip mata juga, dia bukan hanya nampak kemarahan papa. Sebaliknya dia nampak kekecewaan papa. Kekecewaan papa terhadap dia. Dia Khairunnisa'!

Papa terduduk lemah di hujung katil. Dan Khairunnisa' melihat kekecewaan papa yang tadinya terlihat oleh mata batinnya kini semakin merebak jelas. Kekecewaan papa sudah terpapar ketara pada wajah, pada mata dan pada keadaannya sekarang yang terduduk lesu selepas memarahi satu-satunya anak kesayangan.

"Papa tak tahu nak cakap apa lagi...!" suara papa amat lirih. Nadanya persis orang putus asa. Tidak sampai sesaat kemudian, papa bingkas dan longlai melangkah ke pintu.

"Pa!" Spontan Khairunnisa' terlancar.

Papa berhenti melangkah. Menoleh. Merenungnya.

"Maaf!" Suara Khairunnisa' pecah dalam sebak.

Papa mara semula ke arahnya. Duduk kembali di tempatnya tadi. Papa merenungnya dalam dan tunak.

"Ampunkan Nissa, papa!"

Dia tenggelam dalam dakapan papa. Dia terasa usapan tangan papa di kepalanya tepu dengan kasih sayang.

"Alhamdulillah. Papa dapat semula anak papa. Anak papa masih hidup!"

Di luar, kedengaran azan maghrib sayup.



No. 100/2010 • Jalan 14/100B / Rajah 1431H
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<http://www.jki.msi.gov.my>
03-88707666

Borang Sumbangan

Majalah Cahaya mengalu-alukan sumbangan daripada pembaca. Ganjaran berpatutan.

Sila ✓ yang mana berkenaan.

<input type="checkbox"/> FOKUS	<input type="checkbox"/> NILAI MURNI
<input type="checkbox"/> SEMASA	<input type="checkbox"/> CERPEN
<input type="checkbox"/> RENCANA	<input type="checkbox"/> SIRAH
<input type="checkbox"/> KERJAYA	<input type="checkbox"/> SAJAK
<input type="checkbox"/> TOKOH	<input type="checkbox"/> LAIN-LAIN
<input type="checkbox"/> CAHAYA IT	NYATAKAN
<input type="checkbox"/> MOTIVASI DIRI

Nama:

Nama Samaran (Jika Ada):

Poskod

Negeri:

No. K/P:

No. Tel:

Tahap Pendidikan:

No. Akaun:

Bank:

Cawangan:

Tarikh:

Perhatian : Borang ini boleh difotostat.

Alamatkan sumbangan anda kepada:

Pengarang Majalah Cahaya
Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Precint 3, 62100, Putrajaya


Tel: 03-88707661

Faks: 03-88707666

Adakah Anda Seorang Penulis?

Mungkin dari sini anda akan menjadi penulis terkenal.

- Atau ingin cuba menulis.
- Atau berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah Cahaya.
- Anda boleh menulis dari sekarang
- Hantar sumbangan anda segera!!
- Bayaran akan dibuat setelah artikel anda terpilih dan disiarkan.



INFO BUKU
ISBN: 978-983-042-563-4
Cetakan Pertama : 2015
Bil. Halaman : 510
Harga : RM83.00

JAMI' AT-TIRMIZI

Jilid 1

Kitab Jami' at-Tirmizi karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang menempati kedudukan keempat berbanding al-Kutub as-Sittah yang lain iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Jami' at-Tirmizi, Sunan an-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah. Antara keistimewaan kitab ini ialah kandungan hadith-hadithnya yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja. Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama' mengenai amalan ibadat berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, tabi'in, atba' at-tabi'in dan ulama' mujahidin, pandangan ulama' terhadap perawidari sudut al-Jarh wa at-Ta'dil dan yang paling penting sekali ialah darjat hadith oleh Imam at-Tirmizi pada sebahagian besar hadithnya. Melalui kitab ini juga, pembaca didedahkan dengan pendapat Imam asy-Syafi'i mengenai sesuatu amalan ibadat berdasarkan hadith yang dibincangkan. Justeru, ia boleh dijadikan sumber rujukan bagi mengenal pasti pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'i dalam sesuatu ibadat.

HUBUNGI KAMI DAN DAPATKAN NASKAH DI:

Kedai Buku Jakim Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot 4, masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No. 25, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 W.P Putrajaya.
Tel: 03-8890 3669 Emel: kedaibuku@islam.gov.my